

BAB II

SEJARAH PENDIDIKAN ISLAM DI INDONESIA

2.1 Pengertian Pendidikan

Pendidikan mempunyai erti yang luas mencakupi seluruh bidang kehidupan masyarakat. Ditinjau daripada ilmu tata bahasa atau kaedah Bahasa Melayu, pendidikan berasal dari pada kata *didik* yang mempunyai makna jaga atau pelihara atau ajar dengan hati-hati sejak mulai dari kecil.³⁷ Dalam Bahasa Inggeris juga, pendidikan disebut *education* yang berasal daripada dua kalimat dalam bahasa latin iaitu *e'ex* dan *ducereeduc*. *E'ex* bermakna keluar dan *ducereeduc* mempunyai makna memimpin yang dapat ditafsirkan sebagai “mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat”.³⁸ Oleh kerana bahasa telah berkembang selaras dengan perkembangan waktu, maka kalimat dalam Bahasa Latin mengalami perubahan menjadi *educere* yang bermakna mendidik atau melatih. Hal ini dipakai dalam Bahasa Inggeris menjadi sebutan *education* yang membawa erti mendidik, mengasuh atau membina diri dan watak seseorang.³⁹ Atau lebih jelasnya *education* bermaksud memasukkan ilmu ke dalam akal manusia.⁴⁰

Pada umumnya takrif pendidikan adalah suatu usaha terus menerus dan semua aktiviti manusia yang boleh membawa perubahan seseorang dan

³⁷Hajah Noresh Bt. Baharom *et al.* (ed.) (2007), *Kamus Dewan*. Edition 4, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 350

³⁸Hj. Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4-5

³⁹Judy Pearsall *et al.* (1945), *The Oxford English Reference Dictionary*. Second Edition, Oxford New York: Oxford University Press, h. 448

⁴⁰Hasan Langgulung (1991), *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5

masyarakat mengikut norma serta nilai sebuah masyarakat.⁴¹ Dengan kata lain, pendidikan bertujuan merubah sifat-sifat spiritual dan fisikal seseorang sejak lahir agar manusia itu berfungsi sebagaimana yang ada dalam kebudayaan masyarakat. Tiap-tiap masyarakat mempunyai kebudayaan masing-masing yang berbeza-beza di antara satu dengan yang lain. Kebudayaan ini merupakan bangunan hidup masyarakat yang meliputi cara pandangan hidup, kepercayaan, akhlak, sikap, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Untuk mengembangkan dan memelihara kebudayaan ini harus melalui proses pendidikan.

Lain halnya dengan Plato yang dikutip dari kajian Schofield ialah pendidikan sebagai latihan kebiasaan yang sesuai untuk naluri mulia yang ada dalam diri kanak-kanak mengenai keseronokan dan kesakitan ditanam di dalam jiwa yang bukan rasional. Latihan khas ini mengenai keseronokan dan kesakitan yang membawa kepada anda membenci dan mencintai apa yang anda sepatutnya benci dan cintakan, hal ini digelar "pendidikan".⁴²

Sungguh pun dakwaan Plato di atas ini boleh diterima bahawa pendidikan merupakan usaha-usaha untuk membentuk sikap dan watak kanak-kanak menjadi mulia sejak dari awal, sehingga sikap dan watak mulia atau buruk tumbuh dengan melalui latihan dalam pendidikan .

Milton juga mengemukakan definisi pendidikan yang dikupas oleh shcofield iaitu pendidikan yang lengkap membolehkan seseorang bertindak secara adil dan saksama, mahir serta bertimbang rasa dalam segala bidang kerja dalam kedua-dua sektor awam dan swasta, pada masa susah dan senang.⁴³

⁴¹Abdullah Ishak, *op. cit.*, h. 8

⁴²Harry Schofield (1972), *The Philosophy Of Education An Introduction*. London : George Allen and Unwin Ltd, h. 31

⁴³*Ibid.*

Peraturan-peraturan sosial, kepercayaan, agama dan satu generasi ke generasi berikutnya dan juga pendidikan diertikan dengan suatu cara memperoleh ilmu pengetahuan. lain halnya dengan Home, pendidikan ialah suatu proses yang kekal abadi bagi manusia untuk menyesuaikan dengan alam kehidupan dan kedewasaan jasmani serta minda seseorang. Begitu juga dengan John Dewey, ahli falsafah dan pendidikan Amerika, mentakrifkan pendidikan sebagai usaha manusia untuk membentuk kecenderungan dasar yang berupa kepercayaan, alam seجات dan sesama umat manusia. Selain itu beliau mengertikan pendidikan sebagai suatu proses untuk berjaya dan menambah ilmu pengetahuan agar hidup lebih bertanggung jawab.⁴⁴

Menurut Wan Daud, pendidikan mempunyai dua tujuan iaitu kemasyarakatan dan individual. Pendidikan yang berorientasi kemasyarakatan adalah pendidikan sebagai tempat atau alat yang paling utama untuk membentuk masyarakat yang baik, baik bagi negara, masyarakat dan sesama umat manusia. Pendidikan yang seperti ini dianut oleh pandangan yang beraliran perenial yang sering dikaitkan dengan Plato, sarjana Barat abad pertengahan dan beberapa sarjana moden, seperti Willian T. Harris, Robert Hutchin dan Adler di Amerika Serikat. Aliran rokonstruksi sosial moden yang tokohnya George S. Count di Amerika, Paulo Freire di Brazil dan Jurgen Habermas di Jerman. Pendidikan secara keseluruhan yang wujud di dunia saat ini berorientasi kemasyarakatan.⁴⁵

Mereka yang berpandangan bahawa pendidikan yang berorientasi kemasyarakatan berasaskan kepada manusia merupakan pendidikan yang hanya melihat pada kemajuan bermasyarakat dan ilmu pengetahuan dibina di atas dasar

⁴⁴John Dewey (1975), *Experience and Education*. London : Coller Macmillan Publisher, h. 18

⁴⁵Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 109

kehiduan bermasyarakat. Oleh sebab itu, pendidikan bertujuan untuk memperkuat kepercayaan, ilmu pengetahuan dan beberapa keahlian yang diperoleh untuk memperbaiki masyarakat dan pelajar harus siap dalam menghadapi masyarakat yang selalu berubah-ubah untuk selalu ingin maju serta berkembang terus menerus mengikut situasi.⁴⁶

2. 2 Definisi Pendidikan Islam

Pendidikan di dalam Islam mempunyai maknanya yang tersendiri. Kalau ditinjau dari aspek Bahasa Arab terdapat beberapa istilah yang biasa digunakan. Antara istilah-istilah yang biasa digunakan adalah *ta'lim*, *tarbiyah* dan *ta'dib*. Ta'lim berasal dari perkataan '*allama* yang mempunyai erti "mengajar", sedangkan tarbiyah asal kata dari *rabba* yang bermakna "mengasuh", begitu juga dengan ta'dib dari kata dasar *addaba* yang bererti "memelihara". Secara umumnya, ketiga-tiga kata tersebut memberi pengertian yang sama dalam mengertikan pendidikan, walau bagaimanapun, perkataan tarbiyah lebih meluas penggunaannya.⁴⁷ Dalam *Lisan al-Arab*,⁴⁸ dikatakan *ma'dabat* yang mempunyai maksud *mad'at*. Dengan itu adab mempunyai makna yang luas dan mendalam, kerana pada asalnya kata tersebut bermakna undangan ke sebuah jamuan bathin. Oleh itu, al-Qur'an dianggap sebagai undangan Tuhan kepada manusia untuk menghadiri jamuan di atas muka bumi ini, serta tempat untuk mengambil bahagian di dalamnya untuk mempelajari. Sebagaimana hadith yang diriwayatkan Ibn Mas'ud,

⁴⁶*Ibid.*, h. 110

⁴⁷Abdullah Ishak, *op. cit.*, h. 6

⁴⁸Ibnu Manzur (1863), *Lisan Al 'Arab*. Jil. 1, Beirut-Lebanon: Dar Sader Publishers, h. 206-207

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ مَأْدَبَةٌ لِلَّهِ فِي الْأَرْضِ فَتَعَلَّمُوا مِنْ مَأْدَبَتِهِ

Sesungguhnya al-Qur'an ini merupakan jamuan dari Tuhan di muka bumi, maka teruslah mempelajari dari jamuan tersebut.⁴⁹

Terjemahan H. R Ibn Mas'ud

Jadi konsep ta'dib merupakan yang paling tepat untuk pendidikan Islam, kerana konsep ta'dib sudah mencakupi unsur-unsur ilmu, pengajaran dan tarbiyah. walaupun dalam al-Qur'an tidak disebut perkataan *adab* atau istilah lain yang memiliki akar kata yang sama dengannya, tetapi dalam ucapan-ucapan Nabi saw dan para sahabat sering diucapkan.⁵⁰

Sedangkan penggunaan kata tarbiyah lebih dikenali kerana perkataan tersebut secara realitinya mencakupi pengertian pendidikan yang bukan sahaja ditujukan kepada manusia, bahkan kepada makhluk Allah yang lain yang membawa erti mendidik, mengajar, dan memelihara. Tarbiyah juga memberi gambaran mendidik, membentuk dan memelihara khususnya kepada manusia, bukan sahaja setelah bayi dilahirkan malah sebelum itu lagi.⁵¹ Pendidikan yang mempunyai maksud peraturan-peraturan dan susunan sempurna bagi manusia dan kehidupan yang bersumber dari Islam menuju kepada kebenaran ketuhanan, dengan pendidikan tersebut manusia dapat menegakkan kebenaran sebagai khalifah daripada Allah di muka bumi, sehingga mendapat derajat yang tinggi dari sisi-Nya.⁵²

Sebagaimana dikutip dari Mahayuddin Hj Yahaya, bahawa perbincangan tentang pendidikan Islam telah dibincangkan dalam persidangan dunia Islam

⁴⁹Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *Islam And Secularism*. Kuala Lumpur : International Institute Of Islamic Thought And Civilization, h. 150-151

⁵⁰Wan Mohd Nor Wan Daud, *op. cit.*, h. 118

⁵¹*Ibid.*, h. 6-7

⁵²Ali Ahmad Madkur (1991), *Manhaj Tadris al-'Ulum al-Syar'iyah*. Qahirah: Dar al-Syawaf, h. 55

pertama mengenai pendidikan Islam pada tahun 1977. Persidangan ini telah memutuskan maksud pendidikan Islam seperti berikut:

Dalam konteks Islam perkataan tarbiyah, ta'lim dan ta'dib mempunyai erti yang sama. Di mana perkataan tersebut mempunyai maksud kepada manusia sebagai individu dan sebagai masyarakat di antara mereka, pendidikan Islam baik formal atau tidak formal mencakupi hal tersebut. Pendidikan bertujuan pada keseimbangan pertumbuhan sifat seseorang yang diperolehi melalui belajar, berfikir, merasakan dan berfikir secara rasional. Pendidikan dapat memenuhi pertumbuhan seseorang dari segala aspek; batin, pikiran, rasa, psikologi, bahasa, pengetahuan, hubungan di antara mereka dan dorongan semua aspek ini bermaksud pada kebaikan dan pencapaian kesempurnaan. Pada akhirnya pendidikan Islam bermaksud sesungguhnya kesempurnaan pelaksanaan kepatuhan kepada Allah swt dari mula sebagai individu, kelompok dan masyarakat luas.⁵³

Dari kacamata Islam, pendidikan adalah satu proses latihan akhlah, jasmaniah, rohaniah, ijtimaiah, dan akhlakiah manusia berdasarkan nilai-nilai Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan as-Sunnah bagi melahirkan manusia yang sempurna dan bertakwa.⁵⁴

Pendidikan Islam adalah pendidikan yang berteraskan wahyu Allah swt. Pendidikan ini telah diasaskan oleh Rasulullah saw pada tahun 610 M di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam di as-Saffa, Makkah.⁵⁵ Ia disampaikan oleh Rasul yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Pendidikan Islam yang berteraskan tiga aspek berikut telah menonjolkan kesan yang positif dengan melahirkan generasi Islam yang sempurna dalam semua aspek sama ada dari aspek rohani atau jasmani. Dakwah Rasulullah saw selama 23 tahun di Makkah dan Madinah

⁵³Lihat terjemahan maksud pendidikan Islam dalam Mahyuddin Hj Yahaya (2005), *Tamadun Islam*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd, h. 308

⁵⁴*Ibid.*

⁵⁵Zawawi Hj. Ahmad (1996), *Sains Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1

yang berteraskan tiga aspek tersebut berjaya melahirkan masyarakat Islam yang berilmu, beriman dan bertakwa.⁵⁶

Pendidikan Islam itu sebenarnya lahir dan bermula apabila seseorang itu melangkah ke alam dunia. Setelah seseorang itu lahir sahaja ke alam ini, maka dengan sendirinya dia akan mengalami suasana pendidikan. Menurut pandangan Islam, ibu dan bapa merupakan orang yang mula-mula menjadi pendidik kepada anak yang dilahirkan itu. Pendidikan cara ini dikenali sebagai pendidikan tidak formal.⁵⁷

Di atas bahu kedua ibu bapalah Allah swt mempertanggung jawabkan untuk mencorak dan membimbing anak itu sama ada menjadi seorang insan muslim dan beriman atau sebaliknya. Lantaran itu mendidik, mengajar, membimbing, membentuk serta melatih individu dalam pelbagai aspek sama ada jasmani, rohani, akal, akhlak atau kesedaran sosial bagi melahirkan manusia yang sempurna, beriman, bertakwa, sihat, berilmu dan berkemahiran dalam kerjaya merupakan suatu tugas yang penting. Tugas ini telah diamanahkan oleh Allah swt ke atas setiap hamba-Nya. Inilah merupakan konsep dan pendidikan rabbani yang bersumberkan bimbingan ilahi.⁵⁸

Kumpulan masyarakat yang wujud hasil dari tarbiyah Rasulullah saw dapat disebut sebagai generasi rabbani dan mereka adalah golongan para sahabat dan tabiin. Sifat-sifat dan keperibadian generasi ini hasil dari didikan Islam yang diajar oleh Rasulullah saw wajib dicontohi oleh umat Islam pada zaman sekarang.

⁵⁶Abdullah Ishak, *op. cit.*, h. 92

⁵⁷Sidi Gazalba (t. t), *Pendidikan Dalam Masyarakat*. Jakarta: Pustaka Antara, h. 13

⁵⁸Hanafi Mohamed (1996), *Falsafah Pendidikan Menurut Al-qur'an*. C. I. Selangor: Pustaka Ilmiah, h. 42-43.

Pendidikan Islam yang diajarkan itu telah meninggalkan kesan positif dan dapat membentuk keperibadian atau mewujudkan muslim yang sempurna.⁵⁹

Pendidikan Islam juga dapat melahirkan individu yang baik terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat bagi mencapai kebahagiaan hakiki yang berpandukan wahyu Allah swt. Rasulullah saw telah memperkenalkan konsep menuntut ilmu tanpa membezakan antara lelaki dan perempuan.⁶⁰

Ditinjau dari aspek kebudayaan, pendidikan merupakan warisan kebudayaan kerana melalui pendidikan suatu generasi akan menyampaikan kebudayaan kepada generasi baru dan dengan kata lain orang-orang tua menanamkan cara berfikir, cara melakukan dan cara hidup kepada orang yang masih muda yang kurang faham dan kurang mengetahui tentang hal-hal tersebut. Ternyata, tanpa pendidikan, kebudayaan akan sirna.⁶¹

2.3 Tujuan Pendidikan Islam

Pendidikan dalam Islam mempunyai tujuan dan matlamat yang tertentu, menyeluruh dan universal. Tujuan utama pendidikan Islam untuk memahami Islam dengan pengetahuan dan mengamalkannya. Kerana kehidupan ini sebagai sarana menuju akhirat, maka dengan demikian manusia harus menghabiskan masa dan perbuatannya hanya di jalan Islam dan atas nama Allah swt. Dengan cara seperti itu ia akan menjadi orang yang shaleh, wara', memelihara al-Qur'an, sunnah nabi, pokok-pokok agama dan fiqh.⁶² Secara umumnya pendidikan Islam bertujuan untuk melahirkan individu bagi memainkan peranan yang positif dalam

⁵⁹*Ibid.*

⁶⁰Abdul Halim El-Muhammady (1991), *Pendidikan Islam Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Selangor : Dewan Pustaka Islam, h. 15

⁶¹Hanafi Mohamed, *op. cit.*, h. 43

⁶²Dr. Ahmad Fuad al-Ahwani (1955), *At-Tarbiyah fi al-Islam (at-Ta'lim fi Rakyi al-Qabisi)*. Kahirah: Dar al-Haya al-Kutub al-'Arabiyah, h. 87

semua aspek sama ada terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat, agama dan negara.⁶³ Jadi, selanjutnya mengikut al-Attas pendidikan bertujuan menjadikan orang itu baik, baik dalam arti beradab atau berakhlak yang meliputi kehidupan dunia dan akhirat manusia, dengan demikian selalu berusaha menanamkan kebaikan yang diterimanya. Oleh sebab itu, orang yang berakhlak merupakan orang yang mempunyai pengetahuan.⁶⁴

Di samping itu, tujuan pendidikan Islam juga adalah membentuk akhlak dan peribadi. Akhlak merupakan manifestasi hidup yang luas merangkumi hubungan manusia dengan Allah, manusia sesama manusia dan manusia dengan semua makhluk Allah di muka bumi. Akhlak manusia sangat peka dan mudah berkesan sama ada melalui tingkah laku yang baik ataupun buruk. Sebab itulah Rasulullah saw sering dan sentiasa mengingatkan umat manusia seluruhnya tentang betapa mustahak dan pentingnya akhlak dibentuk dengan baik. Dalam masa yang sama, Tujuan pendidikan Islam adalah berusaha mengimbangkan antara kemestian hidup di dunia dan kemestian hidup di akhirat. Sememangnya Islam melarang seseorang individu mengasingkan diri dari kehidupan masyarakat dan tidak suka serta tidak berusaha mencari nafkah hidup, sebagaimana Islam juga melarang seseorang yang hanya mengejar impian, cita-cita dan kemewahan di dunia semata-mata. Jelasnya Islam menyeru manusia supaya hidup bermasyarakat dan bekerja mencari nafkah untuk keluarga serta menghormati dan memuliakan orang-orang yang berusaha untuk mencapai kejayaan.⁶⁵

⁶³Syed Muhammad Naquib al-Attas (1999), *The Concept of Education in Islam a Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), h. 22

⁶⁴Syed Muhammad Naquib al-Attas (1979), *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah: King Abd. Aziz University, h. 1

⁶⁵Hasan Langgulung (1986), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. C. I, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2

Selain itu, masyarakat umum juga telah menyatakan bahawa tujuan pendidikan Islam ini adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan penuh ketakwaan dan bukannya untuk bermegah-megahan di dunia. Takwa merupakan wasiat Allah swt yang paling utama bagi umat manusia.

Secara ringkasnya, takwa memberi pengertian kesanggupan seseorang melaksanakan segala larangannya dan melaksanakan segala perintah-Nya. Justeru itulah, sifat takwa dapat membentuk disiplin hidup yang sempurna bagi manusia mencapai kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.⁶⁶

2.4 Asas-asas Pendidikan Islam

Pendidikan Islam umumnya berdasarkan keagamaan dan moraliti yang jelas pada sasarannya tanpa mengabaikan kepentingan dunia. Pandapat al-Ghazali mengenai pendidikan sesuai dengan pendidikan Islam iaitu agama dan akhlak. Ilmu di sisi al-Ghazali secara mutlak adalah kemuliaan dan ketinggian, berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.⁶⁷ Selain dari itu, pendidikan Islam juga berdasarkan kehambaan diri kepada Allah swt, sebagaimana firmanNya,

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Tiadalah aku jadikan jin dan manusia, melainkan supaya mereka menyembah kepadaKu

Terjemahan Surah al-Zariyat (51) : 56

Menurut Ghazali B. Basri asas-asas pendidikan Islam itu terdiri daripada, (a) *Pendidikan Tauhid*. Hal ini dilakukan untuk menjauhkan perbuatan dari menyekutukan Allah swt atau syirik kepada-Nya.⁶⁸ Ini dapat kita ketahui dan

⁶⁶Hanafi Mohamed, *op. cit.*, h. 65-66

⁶⁷Hamid Fahmy Zarkasyi (1990), *Pemikiran al-Ghazali Tentang Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 54-55

⁶⁸Ghazali b. Basri (1984), "Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Prespektif Islam", *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil 2, Oktober 1984, Kula Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 3-4

paham dengan anjuran Luqman kepada anaknya agar jangan menyekutukan Allah swt, sebagaimana firman Allah,

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ
(Perhatikanlah), ketika berkata Luqman kepada anaknya, sedang dia member pengajaran kepadanya, (katanya): Hai anakku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah. Sesungguhnya mempersekutukan itu adalah aniaya yang besar”.

Terjemahan Surah Luqman (31) : 13

Sebab syirik merupakan segala induk perbuatan dosa besar dan maksiat yang tidak dapat diampunkan oleh Allah swt. Dalam pendidikan Islam, gejala *syirik* ini merupakan menjadi penghalang terhadap semua proses pendidikan yang akan berlaku. Oleh sebab itu, *syirik* sangat bertentangan dengan tauhid yang mengajarkan tentang keesaan Tuhan, ia memutuskan manusia terus berhubung dengan penciptanya, lantaran itu tidak wujud pada manusia yang *syirik* sifat-sifat kemuliaan dan kehalusan akhlak yang menjadi tujuan utama dalam pendidikan Islam.⁶⁹

Dalam pendidikan tauhid ini, manusia dikehendaki untuk mengakui terhadap keesaan Tuhan, kebesaran-Nya dan kekuasaan-Nya. Di mana Allah swt sebagai pencipta (*Khaliq*) alam semesta ini bukan sahaja diakui sebagai pentadbir, perancang, pengatur, pemberi peraturan hidup, tetapi juga Dia sebagai pembimbing dan pendidik yang sempurna, Allah sebagai *Murabbi* sekalian alam jagat ini.⁷⁰ Bahkan pendidikan tauhid ini dalam pengertian yang lebih luas tidak hanya menitikberatkan pada idea tentang keesaan Tuhan, juga memberi pengertian terhadap konsep ilmu. Ilmu menurut konsep Islam bersifat sepadu dengan makna semua ilmu datang dari Allah swt, sebagaimana firman-Nya,

⁶⁹Sidi Gazalba (1970), *Pendidikan Umat Islam Masalah Terbesar Kurun Kini Menentukan Nasib Umat*. Djakarta: Bhratara, h. 98

⁷⁰Fazlur Rahman (2007), *Pesan-Pesan Terbesar Al-Qur'an*. Al-Mustaqeem Mahmud Radhi at al (terj.), Selangor : Middle-Eastern Graduates Center Sdn. Bhd, h. 1-2

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ
هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (٣١) قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ
أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ (٣٢)

Allah mengajarkan kepada Adam sekalian nama-nama barang, kemudian di bawah barang-barang itu kepada malaikat, lalu Allah berfirman: Kabarkanlah kepada-Ku nama-nama barang ini, jika kamu yang benar (31) Jawab mereka: Maha suci Engkau, tak adalah pengetahuan kami, melainkan apa-apa yang engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau maha Mengetahui lagi Mahabijaksana (32)

Terjemahan Surah al-Baqarah (2) : 31-32

Segala yang ada di bumi ini bersumberkan dari kekuasaan-Nya. Hal ini merupakan hukum alam dan hukum moral. Hidup yang hakiki adalah hidup yang berfikir dan berkesedaran tentang keesaan Allah swt. Oleh itu, pendidikan Islam merupakan sebagai alat untuk mencapai kehendak Allah swt atau memenuhi peran-peran manusia supaya tercapai tujuan yang dikehendaki.⁷¹

(b). *Pendidikan akal*. Akal merupakan unsur yang paling mulia dan berharga bagi manusia, kerana itu harus sentiasa menerima bimbingan. Untuk sampai kepada keimanan kepada Allah harus berfikir melalui akal, kerana cahaya keimanan ini secara tegasnya bersifat epistemologi dan muncul sebagai kesan daripada sebab-sebab yang munasabah, bukan sebaliknya.⁷² Pendidikan Islam menekankan bahawa manusia mempunyai tugas mengabdikan diri kepada Allah swt. Dasar ini merupakan kehendak Allah swt yang menyebabkan alam ini dapat berfungsi. Ia merupakan hukum alam dan manusia tidak dapat mengubahnya. Hukum ini juga dapat dipahami dengan akal manusia, sebab itulah Allah swt memerintahkan manusia supaya mencari dan memahami hukum-hukum tersebut untuk pengetahuan dan memanfaatkannya.⁷³

⁷¹Hanun Asroah (1999), *Sejarah Pendidikan Islam*. Jakarta: Logos, h. 3-4

⁷²Umar Al-Syaibany (1991), *Falsafah Pendidikan Islam*. Hasan Langgulung (terj.), Shah Alam: Hizbi, h. 418

⁷³*Ibid.*, h. 406

(c). *Pendidikan akhlak*. Proses pendidikan merupakan pembinaan terhadap akhlak manusia. Dalam surah al-Mudatstir ayat keempat yang bermaksud “Dan pakaianmu hendaklah kamu bersihkan”. Ayat ini memberi pengertian bahawa pendidikan Islam tidak hanya menganjurkan kebersihan fizikal sahaja atau jasmani, tetapi juga aspek pembersihan jiwa agar manusia yang menerima proses pendidikan itu terbina dalam dirinya sifat-sifat taat, sabar, pemaaf, pemurah dan penyantun.

Sedangkan menurut Umar al- Taumi as-Shaibani,⁷⁴ asas pendidikan Islam berhubungkait dengan sasaran dan metode pelajaran serta apa sahaja yang berkaitan dengannya, hal itu merupakan bahagian dari pengamalan pendidikan. Asas pendidikan Islam ialah *pertama*, pendidikan agama. pendidikan asas ini bersumberkan dari syari’at Islam dan dari tradisi ulama terdahulu. Jadi, pendidikan Islam bermula dari mempelajari al-Qur’an dan Sunnah nabi serta ulama terdahulu daripada para sahabat dan tabi’in. Kerana di dalam al-Qur’an terdapat banyak kandungan tentang pendidikan seperti pendidikan amal, kisah-kisah, i’tibar sejarah, amar ma’ruf dan nahi mungkar, akibat dari kisah-kisah tersebut dan lain-lain. Oleh itu, untuk mengungkapkan dan memahami hal itu harus mempelajari sunnah nabi sebagai penjelas dari al-Qur’an, di samping itu mempelajari tradisi para sahabat dan tabi’in.

Kedua, selain asas agama, asas pendidikan jasmani dan rohani. Asas ini harus dilaksanakan untuk memberi dorongan dalam menangkap pelajaran dan praktek dari pelajaran tersebut, sehingga memberikan kesan terhadap apa yang diajarkannya untuk kejayaan dalam kehidupan.

⁷⁴Dr. Umar al-Taumi al-Shaibani (1975), *Falsafah at-Tarbiyah al-Islamiyah*. Jil. 1, Tharalbis: al-Syirkat al-‘Ammah lin-Nasyir wa at-Tauzi’ wal-I’lan, h. 431 - 435

Pendidikan jasmani merupakan pendidikan yang harus diperhatikan bagi pengajar untuk menjaga proses dalam pertumbuhan jasmani agar kelebihan dan bakat diri pelajar terjamin. Oleh itu, kebersihan hidup sangat penting untuk kecergasan sehingga kebahagiaan dan ketenangan hidup dapat tercapai. Dalam hal ini kewajiban pengajar menjaga dan mengawasi pelajar selama dalam proses belajar, sebab untuk kesempurnaan pertumbuhan jasmani hanya dengan cara membiasakan peningkatan kemahiran yang diinginkan pelajar. Untuk melengkapi pendidikan jasmani harus dilakukan juga terhadap pendidikan rohani untuk menguatkan minda daripada sesuatu yang bertentangan, kesenangan, dan seterusnya. Kebutuhan jiwa manusia sebenarnya memerlukan terhadap cinta, kemerdekaan, ketenangan, hal ini hanya didapatkan dari kesuksesan terhadap kepercayaan zat yang abadi.

Ketiga, pendidikan kemasyarakatan. Pengajaran Islam sangat berpengaruh terhadap permulaan penyebaran Islam dan ilmu pengetahuan yang dibutuhkan di dalam kehidupan jasmani dan rohani, pengajaran ini sangat memberi kesan terhadap kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, penyusunan dalam pelajaran harus selaras dengan perkembangan masyarakat dan kejayaan dalam hidup, kerana Islam sememangnya sangat memperhatikan hubungan kemasyarakatan.

Bagi seorang pendidik sebagaimana yang disebutkan dalam seminar di Jakarta tentang cara pengajaran dalam pandangan Islam.⁷⁵ Bagi seorang pendidik harus bertepatan dengan al-Qur'an dan hadith di dalam menyampaikan pemikirannya dan rujukan daripada asas akhlak yang menjadi konsep dalam semua kehidupan dalam masyarakat sesuai dengan yang diasaskan al-Qur'an dan

⁷⁵“Seminar on Teaching Methodology Islamic Perspective, 23-28 August, 1982, Jakarta”. Recommendation: Organized by Inter Islamic University Cooperation of Indonesia. King Abdul Aziz University, Jeddah, Saudi Arabia. World Center of Muslim Education. Islamic Solidarity Fund of the Organization of Islamic Conference

hadith. Di samping itu, bagi pengajaran dan pengaplikasian pengetahuan tentang alam dan pengetahuan sosial bagi pendidik harus memberi pemahaman bahawa kemajuan semua itu merupakan hasil daripada ciptaan Allah Swt.

2. 5 Sejarah Awal Pendidikan Islam di Indonesia

Proses kemasukan dan berkembangnya Islam di Indonesia termasuk juga peranan dari pendidikan Islam. Pentingnya penyampaian ajaran Islam ini mendorong umat Islam menggunakan institusi sosial keagamaan yang sedia ada sebelumnya telah ditukarkan kepada institusi pendidikan Islam. misalnya di pulau Jawa, umat Islam telah menukarkan institusi agama Hindu-Budha menjadi pondok. Sementara di Minangkabau, surau sebagai institusi peninggalan adat masyarakat tempatan diambil alih menjadi tempat sembahyang dan mengaji al-qur'an, begitu juga di Aceh Meunasah dijadikan sebagai tempat institusi pendidikan Islam.⁷⁶

Sejarah awal pendidikan Islam di Indonesia dijalankan di tempat-tempat yang sangat sederhana seperti berikut ini:

2. 5. 1 Rumah, Surau, Masjid

Setelah terbentuknya masyarakat Islam di setiap desa dan perkampungan telah didirikan masjid dan surau. Masjid berfungsi sebagai tempat ibadah setiap waktu, di samping dijadikan tempat sholat juma'at sekali dalam seminggu dan juga sholat hari raya setiap tahun. Di tempat ini para ulama dan juga pedagang Islam yang sedang dalam perjalanan melewati perkampungan akan singgah untuk mengajar agama kepada masyarakat tempatan, begitu juga ustaz yang tinggal di

⁷⁶Hanun Asrohah, *op. cit.*, h. 144

kampung tersebut turut memberikan pengajian kepada masyarakat umum.⁷⁷ Sedangkan fungsi surau lebih terhad, ia hanya digunakan untuk sholat jamaah setiap waktu di tingkat kampung, tempat para remaja beraktiviti dan tidur, di samping itu tidak dipergunakan untuk sholat jumat ataupun hari raya.⁷⁸ Konsep surau telah diperkenalkan oleh masyarakat Minangkabau sebagai sistem adat yang dimiliki oleh suatu suku atau kaum, yang mana ia merupakan pelengkap rumah gadang yang fungsinya sebagai tempat perjumpaan, berkumpul, musyawarah, serta dijadikan sebagai tempat tidur bagi anak lelaki yang telah akil baligh dan juga orang tua yang sudah uzur. Menurut adat mereka, bahawa anak lelaki tidak mempunyai bilik di rumah orang tua mereka, sehingga mereka diharuskan tidur di surau sebagai pendewasaan mental dan diri.⁷⁹

Pengajian yang dijalankan di tempat seperti ini merupakan pengajian yang sangat asas iaitu hanya mempelajari tentang membaca al-Qur'an. Pada peringkat awal mempelajari al-Qur'an, huruf-huruf hijaiyah, serta menghafal surah-surah pendek untuk kegunaan semasa mengerjakan sembahyang. Selain daripada itu, diajarkan cara-cara sembahyang, wudlu dan beberapa do'a harian.⁸⁰

Pengajian di tempat ini biasanya diikuti oleh kanak-kanak dalam lingkungan umur 6-10 tahun, mengenai cara mengajarkannya Karel A. Steenbrink memberikan gambaran,⁸¹ iaitu:

Pengajian al-qur'an ini diajarkan secara perseorangan kepada para murid. Biasanya mereka berkumpul di salah satu surau atau serambi rumah guru

⁷⁷Nur Huda (2007), *Islam Nusantara Sejarah Sosial Intelektual Islam di Indonesia*. Jogjakarta: Ar-Ruzz Media, h. 371

⁷⁸William R. Roff (2009), *Studies on Islam and Society in Southeast Asia*. Singapore: NUS Press, h. 58

⁷⁹Samsul Nizar (2007), *Sejarah Pendidikan Islam Menelusuri Jejak Sejarah Pendidikan Era Rasulullah Sampai Indonesia*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group, h. 280

⁸⁰Karel A. Steenbrink (1994), *Pesantren, Madrasah, Sekolah*. Jakarta: LP3ES, h. 10

⁸¹*Ibid.*, h. 11

mereka. Mereka membaca dan melagukan ayat-ayat suci di hadapan ustaz seorang demi seorang di bawah bimbingannya selama suku seperempatan atau setengah jam. Ketika salah seorang murid menghadap ustaz, murid lainnya dengan suara cantas mengulang kaji semalam atau mengulang kaji pelajaran yang telah diperbaiki ustaznya. Jadi dalam surau atau rumah sedemikian itu, orang dapat mendengar berbagai suara yang bercampur menjadi satu. Tetapi kerana sejak kanak-kanak terbiasa hanya mendengar suara mereka sendiri, para murid tidak terganggu suara murid yang lain.

Terkadang para pelajar menirukan ustaz apa yang dibaca dari al-Qur'an. Pada kebiasaannya pengajian di tempat seperti ini dilaksanakan pada pagi ataupun sebelah petang, dan lama belajar menurut kebiasaannya ia berlansung sekitar selama satu tahun. Semasa pengajian dijalankan pelajar-pelajar dan ustaz yang mengajar hanya duduk bersila tanpa menggunakan meja ataupun kursi, serta tidak memakai kelas seperti masa sekarang.⁸²

Sedangkan di Jawa pengajian al-Qur'an dijalankan di masjid, surau dan di rumah. Tempat mengaji tersebut tidak memiliki sebutan yang jelas, tetapi hanya dikenali dengan sebutan *Nggon Ngaji* yang bererti tempat belajar al-Qur'an, sedangkan aktiviti murid-murid yang mengikuti pengajian al-Qur'an disebut dengan *Ngaji Qur'an*.⁸³

2. 5. 2 Pondok

Institusi pendidikan Islam seterusnya ialah pondok. Pengajian di tempat ini merupakan rangkaian dari pengajian di masjid, surau dan rumah. Belum terdapat mana-mana sumber sejarah yang menyatakan dengan jelas tentang latar belakang berdirinya institusi pondok. Sebahagian penulis berpendapat, bahawa penubuhan awal pondok ini terjadi pada zaman Walisongo pada abad ke-15 di pulau Jawa. Di mana Maulana Malik Ibrahim meninggal 1419 M di Gresik Jawa Timur sebagai

⁸²Hasbullah (1996), *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia Lintasan Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 21-22

⁸³Nur Huda, *op. cit.*, h. 369-370

peneraju utama sistem pendidikan pondok.⁸⁴ Beliau juga merupakan seorang *spiritual father* Walisongo yang mana masyarakat santeri (pelajar pondok) di Jawa memandang beliau sebagai mahaguru tradisi pondok di tanah Jawa bermula. Di Ampel Denta, Sunan Ampel telah mendirikan pendidikan sebagai tempat belajar para pemuda Islam. Kemudian Sunan Giri telah menubuhkan satu pendidikan Islam di Giri. Pondok berperanan menjayakan penyebaran Islam oleh Walisongo, kerana mereka mampu menterjemahkan tradisi lokal dan memindahkannya ke dalam ajaran Islam.⁸⁵

Dalam Zamakhsyari Dhofir, pondok serupa dengan perkataan asrama (tempat tinggal santeri yang terbuat dari bambu) yang dalam bahasa Arabnya disebut *funduq* yang bermakna asrama atau hotel. Dan perkataan santeri berasal dari bahasa Tamil yang bermakna guru mengaji.⁸⁶ Mengikut Karel A. Steenbrink, sistem pendidikan pesantren berasal dari sistem pendidikan agama Hindu di Jawa. Oleh demikian, istilah *mengaji* dan *pondok* bukanlah merupakan istilah yang terdapat daripada Arab, melainkan istilah yang terdapat daripada India.⁸⁷ Sementara Martin Van Bruinessen mengatakan pondok adalah khas Indonesia dan mengkaitkan dengan *Desa perdikan*. Desa yang dibebaskan membayar pajak, tetapi penghasilannya dipergunakan tugas-tugas seperti memelihara makam-makam keramat sebagai sarana hubungan pondok dengan dengan lembaga keagamaan pra-Islam.⁸⁸ Nurcholish Madjid mengertikan kata santeri (pelajar

⁸⁴Shalahuddin Hamid *et al.* (2003), *100 Tokoh Islam Paling Berpengaruh Di Indonesia*. Jakarta: PT. Intimedia Cipta Nusantara, h. 126

⁸⁵Abdul Jamil (2002), *Islam dan Kebudayaan Jawa*. Yogyakarta: Gama Media, h. 225

⁸⁶Zamakhsyari Dhofir (1982), *Tradisi Pesantren Studi Tentang Pandangan Hidup Kyai*. Jakarta: LP3ES, h. 18

⁸⁷Karel A. Steenbrink, *op. cit.*, h. 21

⁸⁸Martin Van Bruinessen (1995), *Kitab Kuning Pesantren Dan Tarekat Tradisi-Tradisi Islam Di Indonesia*. Bandung: Mizan, h. 24

pondok) berasal dari istilah sansekerta iaitu “sastri” yang bermakna tahu membaca atau dari bahasa jawa ialah “cantrik” ertinya seseorang yang selalu mengikut seorang tuk guru kemana ia pergi.⁸⁹

Pondok terdiri daripada beberapa unsur iaitu ustaz, santri dan masjid sebagai tempat mengaji, asrama pula sebagai tempat tinggal para santri serta kitab-kitab sebagai bahan pembelajaran.⁹⁰ Zamakhsyari Dhofir juga mengatakan, lima unsur yang harus ada dalam pondok iaitu pondok, masjid, pengajaran kitab-kitab klasik, santeri dan kyai.⁹¹ Sementara cara pembelajarannya menggunakan sistem *bandongan* atau *wetonan* iaitu terdiri dari 5-500 santeri yang mendengarkan kepada seorang guru yang sedang membaca, menterjemah, menerangkan dan mengulas buku-buku Islam dalam bahasa Arab, sementara santereri yang mengikuti pengajian tersebut hanya duduk mengelilingi ustaz yang mengajar, serta menyimak kitab yang mereka bawa. *Sorogan* pula sistem yang diberikan kepada para santeri baru yang masih memerlukan bimbingan dari seorang ustaz dengan cara menghadap ustaz tersebut seorang demi seorang dengan membawa kitab yang akan dipelajarinya. *Hafalan*, santeri menghafal teks tertentu dari kitab yang dipelajarinya.⁹²

Dilihat dari aktiviti pondok dan subjek yang diajarkan, maka pondok dapat dikategorikan dengan dua sistem,⁹³ iaitu sistem tradisional dan sistem moden. Pondok tradisional ialah pondok yang hanya menjalankan pengajian kitab-kitab Islam klasik yang berbahasa Arab dengan sistem *bandongan* dan *sorogan*.

⁸⁹Nurcholish Madjid (1997), *Bilik-bilik Pesantren: Sebuah Potret Perjalanan*. Jakarta: Paramadina, h. 19

⁹⁰Abd. Rahman Shaleh (1969), *Didaktik Pendidikan Agama di Sekolah Dasar dan Petunjuk Mengajar Bagi Guru Agama*. Bandung: Peladjar, h. 192-193

⁹¹Zamakhsyari Dhofir, *op. cit.*, h. 18

⁹²Marwan Saridjo (1979), *Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia*. Jakarta: Dharma Bhakti, h. 9. Lihat juga, Zamakhsyari Dhofir, *op. cit.*, h. 28

⁹³ Mastuhu (1988), *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Jakarta: P3M, h. 281-282

Sementara pondok moden menjalankan pengajian sistem campuran dengan melaksanakan pengajian kitab tradisional, pendidikan sistem madrasah dan sistem sekolah umum dengan mengikuti kurikulum yang dijalankan kerajaan.

Mengikut Hasbullah, sistem pondok terdiri dari tiga cara iaitu sistem nonklasikal berbentuk *bandongan* dan *sorogan*. Di mana seorang ustaz mengajarkan santeri-santeri tersebut berasaskan pada kitab-kitab yang berbahasa Arab. Para santeri bermukim dalam pondok atau asrama. Selain itu cara pengajarannya serupa yang disebutkan dengan di atas, namun ada perbezaan mengenai tempat tinggal santeri iaitu bermukim di luar pondok hanya pada masa mengaji sahaja berduyun-duyun datang ke pondok. Hal inilah yang dikatakan dengan sistem weton. Sementara pondok moden seperti kebanyakan pondok-pondok sekarang menggunakan sistem *bandongan*, *sorogan* dan *wetonan* dengan menyediakan pondokan terhadap santeri yang bermukim atau yang tidak bermukim di pondok tersebut. Serta mendirikan pendidikan formal berbentuk madrasah dan sekolah umum berbagai-bagai tingkatan dan subjek mengikut kebutuhan masyarakat.⁹⁴

Sedangkan menurut Haidar Putra Daulay,⁹⁵ pondok *salafi* atau tradisional merupakan pesantren yang menggunakan sistem *sorogan*, *wetonan* dan *hafalan*. Wetonan ialah santeri masa mengikuti pengajian duduk mengelilingi seorang ustaz yang membacakan kitab yang dipelajari, santeri menyimak dan menacatit. Sorogan metode dimana santeri menghadap ustaz seorang demi seorang dengan membawa kitab yang dipelajari. Dari metode di atas yang paling penting kedudukannya di dunia pondok adalah metode *hafalan*. Juga ada diskusi untuk

⁹⁴ Hasbullah, *op. cit.*, h. 146 - 147

⁹⁵ Prof. Dr. Haidar Putra Daulay (2004), *Dinamika Pendidikan Islam*. Bandung: Ciptapustaka Media, h. 117 - 118

lebih memahami subjek yang telah diberikan oleh ustaz. Sementara sistem pondok moden atau *khalafi* menggunakan metode pembelajaran seperti metode yang dilaksanakan di sekolah-sekolah umum.

Sistem pondok yang bersifat moden ini muncul bersamaan dengan tuntutan masyarakat yang berkembang. Dalam hal ini gerakan pembaharuan yang mempengaruhi sistem pendidikan Islam, di samping metode tradisional dalam pondok salafi dikembangkan menjadi pondok dengan sistem moden. Dalam perkembangannya ada tiga sistem pondok moden. *Pertama*, sistem klasikal, dalam sistem ini menggabungkan mengajarkan ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu dengan cara mendirikan sekolah. *kedua*, sistem kursus-kursus. Sistem pengajaran ini dilaksanakan melalui (*takhasus*) yang menekankan pada pengembangan keterampilan peribadi santeri seperti kursus komputer, menjahit dan sebagainya. Tujuan dalam sistem ini mengarah kepada terbinanya santeri-santeri yang berdikari sebagai penunjang dari pengetahuan agama yang dihasilkan dari sistem sorogan dan wetonan. *Ketiga*, sistem latihan. Sistem ini menekankan pada kemampuan minat santeri untuk menumbuhkan kemampuan praktis seperti latihan tukang, perkebunan, perikanan, manajemen koperasi dan kerajinan-kerajinan yang lain.⁹⁶

2. 5. 3 Meunasah, Rangkang dan Dayah

Institusi pendidikan Islam yang telah berkembang di Aceh semenjak zaman kerajaan Perlak dan Pasai ialah *Meunasah* merupakan perkataan yang sama maksud dengan madrasah bagi masyarakat Aceh dan ia merupakan tingkat paling

⁹⁶Dr. Hj. Binti Maunah (2009), *Tradisi Intelektual Santri*. Yogyakarta: Penerbit Teras, h. 31 - 32

asas dalam pendidikan Islam di Aceh. Meunasah ini terdapat di setiap kampung, ia merupakan tempat yang mempunyai berbagai fungsi iaitu tempat belajar, sembahyang, bermusyawarah, pusat informasi, tempat tidur dan juga tempat bermalam bagi musafir.⁹⁷ Dengan melihat struktur bangunannya meunasah hanya berbentuk seperti sebuah rumah biasa, tetapi tidak mempunyai tingkap dan bahagian-bahagian yang lain. Di setiap kampung terdiri dari 40 buah rumah yang diketuai oleh seorang keucik dan biasanya meunasah terletak di tepi jalan.⁹⁸

Subjek-subjek yang diajarkan di tingkat meunasah ini terdiri dari membaca huruf arab, membaca al-qur'an, cara beribadah, tata cara berakhlak, kisah-kisah daripada sejarah Islam, rukun iman serta nyanyian pada setiap malam jumaat.⁹⁹

Rangkang merupakan institusi pendidikan Islam menengah selepas dari meunasah atau sama dengan sekolah menengah rendah (sanawiyah).¹⁰⁰ Pelajaran agama yang disampaikan bergantung kepada kemahiran guru yang mengajarnya. Oleh kerana itu, bagi pelajar yang cergas dan pintar sering beralih dari rangkang satu ke rangkang yang lainnya.¹⁰¹ Yang mana pada rangkang ini para pelajar mulai mempelajari bahasa Arab, ilmu tauhid, ilmu fiqih, ilmu tasawuf, sejarah Islam dan ilmu umum yang lain seperti geografi, ilmu hisab dan sejarah umum.¹⁰²

Institusi pendidikan Islam di Aceh yang hampir sama dengan pesantren di Jawa dan surau di Sumatera ialah institusi pendidikan *dayah* di Aceh. Dayah berasal dari bahasa arab iaitu *zawiyah* yang bermakna sudut dari suatu bangunan

⁹⁷Prof. Dr. Haidar Putra Daulay (2007), *op. cit.*, h. 23

⁹⁸Samsul Nizar, *op. cit.*, h. 284

⁹⁹Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Islam di Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke - 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 61

¹⁰⁰Mahayudin Haji Yahaya (2005), *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, h. 335

¹⁰¹*Ibid.*

¹⁰²*Ibid.*

yang biasanya berkaitan dengan masjid. perkataan zawiya setelah diubah oleh orang Aceh menjadi Dayah.¹⁰³ Institusi pendidikan ini terdapat di setiap uleebalang dan memiliki balai utama sebagai tempat belajar serta sembahyang berjamaah. Subjek yang diajarkan di Dayah ini lebih tinggi dari subjek yang terdapat di *meunasah* dan *rangkang*. Sejarah penubuhan tempat pendidikan Dayah di Aceh ini telah lama berdiri semenjak kerajaan Perlak pada tahun 840 M. Bermula dengan Dayah Cot Kala yang ditubuhkan oleh Teungku Chik Muhammad, kemudian di ikuti oleh dayah-dayah yang lain seperti Dayah Seureulu dan sebagainya.¹⁰⁴

2. 6 Pendidikan Islam Pada Zaman Penjajahan

2. 6. 1 Penjajahan Belanda

Penjajahan Belanda terhadap bangsa Indonesia bermula sejak tahun 1619 setelah Belanda berhasil memecah belahkan kerajaan Mataram selepas wafatnya Sultan Agung, pada masa itu juga Jan Pieter Zoan Coen telah menduduki Jakarta.¹⁰⁵ Penjajahan ini tidak hanya berlaku di bidang ekonomi sahaja, akan tetapi mereka memperluaskan penjajahannya sehingga ke bidang pendidikan, dengan cara mereka mendirikan sebuah institusi pendidikan mengikut cara dan kehendak mereka sendiri untuk memperkenalkan budaya dan pengetahuan Barat. Semasa berlakunya *Politik Etis* kolonial Belanda pada tahun 1900 mereka banyak mendirikan institusi pendidikan di bawah kelolaan *Gubernemen Kolonial Belanda*. Dan institusi pendidikan ini hanya terbuka kepada golongan orang

¹⁰³Haidar Putra Daulay (2007), *op.cit.*, h. 25

¹⁰⁴Abdul Rahman Haji Abdullah, *op. cit.*, h. 61-62

¹⁰⁵Hanun Asrohah, *op. cit.*, h. 150

berada sahaja, tidak mengira orang Islam ataupun yang lainnya dan bahasa Belanda digunakan sebagai bahasa pengantar.¹⁰⁶

Institusi pendidikan ini didirikan dengan gaya moden dan mengutamakan pengetahuan Barat yang tujuan utamanya hanya sebagai ilmu pengetahuan dan keterampilan duniawi sahaja, ia berbeza dengan pendidikan Islam yang lebih mengutamakan ilmu agama untuk kepentingan akhirat. Di antara tingkatan pendidikan yang didirikan oleh kolonial Belanda ialah HIS (*Hollandsch-Indlandsche School*) institusi pendidikan ini merupakan sekolah yang tertinggi yang mana mempunyai kurikulum selama tujuh tahun. Pelajar-pelajarnya pula terdiri dari pelajar Indonesia yang berasal dari kalangan keluarga terkemuka, baik dari segi jabatan, keturunan, ekonomi dan pendidikan. Sebagai bahasa perantaranya dengan menggunakan bahasa Belanda.¹⁰⁷

Kemudian kolonial Belanda mendirikan institusi sekolah desa untuk bumiputera yang diselenggarakan oleh desa. Sedangkan pengajarnya hanya terdiri dari pegawai desa dan pengajar tersebut bukan termasuk pegawai kerajaan. Di sekolah inilah seluruh rakyat Indonesia dapat menikmati pendidikan, yang tujuan utamanya ia didirikan hanya untuk membanteras buta huruf sahaja. Jenis-jenis sekolah ialah *ELS* (Sekolah Rendah Eropa) didirikan pada tahun 1918 dengan masa pembelajaran selama 7 tahun. *Schakel School* (Sekolah Peralihan) dari Sekolah Desa 3 tahun ke Sekolah Dasar dengan bahasa Belanda sebagai bahasa pengantar, memiliki kurikulum selama lima tahun. *Volkschool* (sekolah Desa) ditubuhkan 1907. Masa pembelajaran hanya tiga tahun dan bahasa Indonesia digunakan sebagai bahasa penghantarnya. Namun yang menyedihkan, sijil dari

¹⁰⁶Fatikhah (2006), *Pendidikan Islam Indonesia Pasca Politik Etis*. Jakarta: Pustaka Asastruss, h. 23

¹⁰⁷*Ibid.*, h. 25-27

sekolah ini tidak dapat digunakan sebagai sijil melanjutkan ke sekolah menengah yang lain seperti HIS dan Schakel School. *Vervolg School* (Sekolah Lanjutan) ditubuhkan pada tahun 1914, mengambil masa pembelajaran selama dua tahun. Subjek sekolah ini pula ditambah dengan subjek pertanian. Dan masih banyak juga sekolah-sekolah lanjutan yang seumpamanya.¹⁰⁸

Dilihat dari orientasi pendidikan yang ditubuhkan oleh kolonial Belanda ini, terjadi pertentangan sistem dengan pendidikan Islam yang ada sebelumnya iaitu surau, dayah dan pondok. Dalam pendidikan kolonial Belanda hanya mengajarkan ilmu-ilmu duniawi tidak mengajarkan subjek-subjek agama. Mengenai subjek agama, sebagaimana dikutip dari Prof. Haidar Daulay, dinyatakan dalam pasal 179 (2) I.S. (*Indische Staatsregeling*) dan di dalam beberapa ordonansi yang secara singkat dinyatakan sebagai berikut: pengajaran umum adalah netral yang bermakna pengajaran agama diberikan hanya untuk menghormati keyakinan agama masing-masing dan hanya boleh diberikan di luar masa sekolah.¹⁰⁹ Dalam Volksraad subjek agama ini sering diajukan untuk dimasukkan sebagai subjek di pendidikan umum, namun hal ini ditolak oleh kolonial Belanda sampai akhir penjajahan Belanda di Indonesia.¹¹⁰ Pendidikan yang ditubuhkan Belanda ini tidak memuaskan bangsa Indonesia kerana sesuai dengan politik etis yang diterapkan mereka, pendidikan yang ditubuhkan hanya bertujuan untuk kepentingan dan kemajuan kolonial Belanda sahaja. Dengan sikap demikian terjadi pemisahan antara pengetahuan agama dan umum, pendidikan

¹⁰⁸*Ibid.*

¹⁰⁹Prof. Dr. Haidar Putra Daulay (2009), *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara*. Jakarta: Rineka Cipta, h. 16

¹¹⁰*Ibid.*

agama dengan pendidikan umum, guru agama dan guru umum, bahkan pendidikan agama selalu mendapat tekanan.¹¹¹

Dari pertentangan sistem pendidikan ini menimbulkan diskriminasi kolonial Belanda terhadap pendidikan Islam. Perlakuan diskriminasi ini dapat dilihat dari kebijakan terhadap guru pendidikan Islam, di mana mereka memberlakukan pengurangan keberadaan dan fungsi guru yang disebut dengan ordonansi guru.¹¹² Selain itu, sekolah-sekolah Kristen secara umum sering diberi subsidi oleh kerajaan Belanda dan mewajibkan pendidikan agama Kristen terhadap murid-murid Islam. Oleh sebab itu, semakin terjadi jurang pemisah antara pendidikan kerajaan dan pendidikan Islam, lagi-lagi dengan pendidikan Kristen sebab sekolah-sekolah kerajaan sering dijadikan alat propaganda gereja.¹¹³ Kebijakan-kebijakan memberatkan bagi umat Islam ialah pengawasan terhadap guru-guru Islam yang disebut dengan ordonansi guru,¹¹⁴ *Pertama*, pada tahun 1882 kolonial Belanda telah menubuhkan suatu badan yang diberi nama *Resterraden*. Badan ini berfungsi sebagai mengawasi aktiviti-aktiviti keagamaan dan pendidikan Islam. Pada 1905 kolonial Belanda atas nasihat badan ini telah mengeluarkan peraturan baru yang isi kandungannya bahawa bagi menyatakan orang yang memberikan pengajaran atau pengajian ilmu agama Islam diharuskan mendapat kelulusan terlebih dahulu dari kolonial Belanda. *Kedua*, peraturan yang lebih membebankan lagi bagi golongan pengajar agama Islam dikeluarkan lagi pada tahun 1925, di mana mereka tidak dibenarkan memberikan sebarang pelajaran mengaji sebelum mendapat kebenaran terlebih dahulu dari kolonial

¹¹¹Ahmad Patoni (2004), *Metodologi Pendidikan Agama Islam*. Jakarta: Bina Ilmu, h. 55-56

¹¹²*Ibid.*

¹¹³Aqib Suminto (1985), *Politik Islam Hindia Belanda*. Jakarta: LP3ES, h. 51

¹¹⁴*Ibid.*, h. 51-54. Lihat juga, Fatikhah, *op. cit.*, h. 37- 40.

Belanda. *Ketiga*, pada tahun 1932 kolonial Belanda mengeluarkan lagi satu peraturan semena-menanya untuk membubarkan dan menutup madrasah yang tidak mendapat izin dari kolonial Belanda. Peraturan ini di sebut dengan *Wilde School Ordonantie* (Ordonansi Sekolah Liar).

Oleh itu, mereka tidak mengiktiraf sistem pendidikan Islam yang dijalankan di tempat-tempat seperti surau, masjid, pondok dan lain-lainnya. Bahkan mereka masih menganggap pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pendidikan Islam masih buta huruf dan tidak dapat membantu kemajuan kolonial Belanda. Sememangnya ramai pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pendidikan Islam itu tidak pandai membaca abjad, yang pada hakikatnya Belanda sangat bimbang dan takut terhadap kemajuan pendidikan Islam dan umat Islam. Dengan kemajuan pendidikan Islam akan berkeupayaan menghalang mereka dari membangun budaya dan watak pemikiran yang sesuai dengan kehendak mereka yang juga dapat menyebabkan gagalnya penjajahan dan misi kristenisasi di Indonesia.¹¹⁵

Selain tidak mengiktiraf institusi pendidikan Islam, kolonial Belanda juga selalu memberikan tekanan terhadap aktiviti-aktiviti umat Islam, seperti tidak di perbolehkannya upacara-upacara keagamaan secara terbuka, umat Islam yang ingin menunaikan ibadah haji di hadkan bilangannya, dan selepas kembali dari menunaikan ibadah haji mereka menjadi perhatian. Dengan perlakuan Belanda yang sedemikian terhadap umat Islam Indonesia menyebabkan pelbagai halangan pembelajaran dan peningkatan pengamalan nilai-nilai ajaran Islam di kalangan umat Islam Indonesia.¹¹⁶

¹¹⁵*Ibid*, h. 36

¹¹⁶Hanun Asrohah, *op. cit.*, h. 150-151

Kolonial Belanda ini telah menghalang perkembangan pendidikan Islam tidak sahaja di pulau Jawa, namun sampai ke luar kawasan pulau Jawa seperti Sumatera dan Aceh. Walau bagaimana pun kehadiran pendidikan kolonial Belanda ini masih mengandungi nilai-nilai positif bagi rakyat Indonesia. Dengan adanya pendidikan moden ini, rakyat Indonesia yang mengikuti pengajian di sekolah tersebut menjadi lebih mengerti dan memahami terhadap sistem pendidikan moden. Dalam sekolah moden ini terdapat adanya sistem kelas, pemakaian meja dan kursi, metode pembelajaran moden dan ilmu pengetahuan. Selain itu, mereka juga mengenali akhbar harian dan majalah yang sangat bermanfaat bagi mengikuti perkembangan zaman, dan menjadikan umat Islam yang mempunyai wawasan maju dan pemikiran yang rasional.¹¹⁷

2. 6. 2 Penjajahan Jepun

Pada tahun 1942 terjadi peralihan kuasa penjajahan di Indonesia. Di mana kolonial Belanda yang sudah beberapa tahun menjajah bangsa Indonesia dapat ditaklukan oleh Jepun. Dengan itu, kekuasaan kolonial Belanda berakhir, dan menjadikan Jepun lebih berkuasa terhadap bangsa Indonesia dan membawa Indonesia masuk ke abad baru dibawah kekuasaan kolonial Jepun.¹¹⁸

Jepun datang ke Indonesia pada peringkat awalnya melalui Tarakan, Kalimantan Timur, kemudian mereka memasuki daerah-daerah lain di Indonesia seperti Sulawesi, Jawa, Sumatera dan daerah lainnya. Jepun dengan cepat sekali dapat menguasai daerah-daerah di seluruh Indonesia dan pada ketika itu juga

¹¹⁷*Ibid.*, h. 72

¹¹⁸Haidar Putra Daulay (2009), *op. cit.*, h. 36

dalam suasana perang dunia kedua, hal ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi dalam segala perkara termasuklah pendidikan.¹¹⁹

Dengan kehadiran kolonial Jepun ini, bangsa Indonesia berharap banyak ada perubahan yang lebih baik akan berlaku daripada sebelumnya iaitu semasa penjajahan Belanda. Harapan rakyat Indonesia menjadi kenyataan setelah kolonial Jepun memberikan keringanan terhadap kebijakan-kebijakan yang diterapkannya yang tidak pernah diperolehi pada masa sebelumnya. Keringanan ini membawa perubahan kepada kebijakan di antaranya pendidikan. Perubahan yang terjadi di bidang pendidikan ini merubah sistem pembelajaran yang diasaskan oleh kolonial Belanda terdahulu yang mana membezakan antara pembelajaran Barat dengan pembelajaran bumi putera atau tempatan menjadi satu bentuk pendidikan sekolah rendah untuk semua golongan masyarakat iaitu jenis Sekolah Rakyat 6 tahun, yang diberi nama *Kokumin Gakko*. Sementara institusi pendidikan yang terdapat di desa-desa ditukar namanya menjadi Sekolah Pertama. Mengenai susunan tingkatannya menjadi, Sekolah Rakyat 6 tahun (termasuk Sekolah Pertama), Sekolah Menengah 3 tahun, Sekolah Menengah Tinggi 3 tahun (SMA pada zaman Jepun). Selain daripada itu turut menjadikan bahasa Indonesia sebagai bahasa perantara di sekolah-sekolah tersebut.¹²⁰

Dengan memberikan keringanan tersebut sebenarnya kolonial Jepun hanya ingin mengambil hati umat Islam kerana di Indonesia mayoritas penduduknya terdiri dari kalangan umat Islam dan bagi kolonial Jepun, mereka dapat dijadikan sebagai alat untuk berperang, dengan motif itulah kolonial Jepun membenarkan aktiviti-aktiviti keagamaan dijalankan dengan sangat berleluasa. Semasa Jepun

¹¹⁹*Ibid.*

¹²⁰B. J. Boland (1985), *Pergumulan Islam Di Indonesia*. Saafroedin Bahar (terj.), Jakarta: Grafiti Pers, h. 12

pejabat Urusan Agama (*Kantoor Voor Islamistische Saken*) yang diketuai seorang Belanda telah ditukarkan menjadi *Kantor Sumubi* yang diketuai oleh orang Islam tempatan pada 1 Ogos 1944 iaitu K. H. Hasyim Asy'ari, dan bagi cawangan daerah-daerah ia pula badan ini disebut *Sumuka*. Pertubuhan-pertubuhan organisasi kemasyarakatan seperti Hizbullah yang didirikan pada tahun 1944 sehingga tahun 1945 yang diketuai oleh Zainul Arifin (utusan dari Nadlatul Ulama dalam kepengurusan Masyumi), Pembela Tanah Air (PETA) dan Masyumi (*Majelis Suro Muslimin Indonesia*) pula ditubuhkan sebagai ganti dari MIAI (*Majlis Islam A'la Indonesia*) yang dibubarkan pada tahun 1943 dan sebagainya.¹²¹

Namun setelah kolonial Jepun menghadapi kesulitan perang dunia kedua (perang Pasifik, perang Asia Timur Raya), mereka menarik balik kebijakan tersebut dengan memberikan tekanan dan kekerasan kepada bangsa Indonesia. Di mana kekayaan bumi Indonesia dirampas sebagai pembiayaan perang dan rakyat Indonesia diberlakukan sebagai buruh paksa (*Ramusha*), hal ini menyebabkan kehidupan rakyat Indonesia semakin sukar dan pendidikan juga terbengkalai.¹²² Maka tercetuslah pemberontakan dikalangan rakyat tempatan yang berakhir dengan kemerdekaan bangsa Indonesia.

2. 7 Kebangkitan Sistem Pendidikan Madrasah

Munculnya ide pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia baik dalam bidang agama, sosial, ekonomi, dan pendidikan dilatarbelakangi oleh adanya pembaharuan pemikiran Islam di belahan negara-negara Islam seperti Turki, Mesir dan India. Kesadaran umat Islam dalam ketertinggalannya dalam ilmu

¹²¹*Ibid.*, h. 13

¹²²*Ibid.*

pengetahuan sejak Napoleon Bonaparte mendarat di Alexandria (Mesir) pada 2 July 1798 M dengan tujuan Mesir dijadikan sebagai perantara untuk menguasai Timur terutama India. Ia juga membawa satu lembaga ilmu pengetahuan yang bernama *d'Egypte* berfungsi untuk penyelidikan ilmiah, dengan hasil penyelidikan ini dapat membantu Napoleon menguasai Mesir.¹²³ Di lembaga ini terdapat beberapa peralatan ilmiah yang belum dimiliki oleh masyarakat Mesir pada masa itu, seperti mesin cetak, teleskop, mikroskop dan lain-lain. Lembaga ini boleh dikunjungi oleh orang Islam terutama ulama agar mereka dapat menambah pengetahuan bahasa Arab dan Islam. Salah seorang ulama al-Azhar yang pernah berkunjung ke lembaga ini pada tahun 1799 M ialah Abd al-Rahman al-Jabarti. Ia sangat mengagumi lembaga ini kerana koleksi buku-buku yang ada tidak hanya dalam bahasa Eropa sahaja, tapi buku-buku agama Islam yang berbahasa Arab Persia dan Turki.¹²⁴

Pada abad kesmbilan belas ini menyadarkan umat Islam untuk memperbaiki kelemahan dan melakukan pembaharuan pemikiran Islam. Di Mesir pembaharuan pemikiran Islam pertama sekali dilakukan oleh Muhammad Ali Pasya (1765-1848 M). Pembaharuan dalam bidang ketenteraan, ekonomi, pendidikan ketenteraan 1815 M, Teknik 1816 M, Kedokteran 1827 M, pertamabangan 1834 M, Pertanian 1836 M, di samping itu mengirim mahasiswa Mesir belajar di Eropa dan mendatangkan tenaga ahli dari Eropa. Sedangkan di Turki di pelopori oleh Sultan Mahmud II (1808-1839 M) dan Sadik Rif'at (1807-1858 M). Pemikirannya dipengaruhi oleh ide persamaan, persaudaraan dan kebebasan, sehingga memunculkan ide membatasi kekuasaan mutlak Sultan Usmani

¹²³Harun Nasution (1984), *Islam Ditinjau dari Berbagai Aspeknya*. Jil. II, Jakarta: Universitas Indonesia, h. 94

¹²⁴Haidar Putra Daulay (2009), *op. cit.*, h. 28

yang disebut dengan *Hatt-i Sherif Gulhane* (Piagam Syarif Gulhane) tahun 1839 M, kemudian pada 1856 M diperkuat lagi dengan *Hatt-i Humayun* (Piagam Humayun), kedua piagam ini berisi tentang penentuan pajak, tugas ketenteraan, ketenteraman hidup dan kehormatan setiap rakyat, persamaan rakyat Islam dan bukan Islam dan kemerdekaan beragama mengikut hukum-hukum Islam. Sementara pembaharu pemikir Islam di India dimulai oleh Syah Waliyullah (1703-1762 M) pada abad kedelapanbelas dan dilanjutkan oleh Sayyid Ahmad Syahid (1752-1831 M) pada abad kesembilanbelas dengan pemikiran pemurnian paham tauhid, penghapusan bid'ah dan terbukanya pintu ijtihad.¹²⁵

Pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia lebih banyak dipengaruhi oleh pembaharuan pemikiran Islam di Mesir. Namun sebelum pembaharuan pemikiran ini datang ke Indonesia terlebih dahulu telah masuk pemahaman Wahabiah di Minangkabau. Paham ini dibawa oleh haji-haji yang pulang dari Mekkah tahun 1803, di antara tokohnya ialah Haji Miskin. Paham Wahabiah ini dalam sejarah Indonesia dikenal dengan gerakan Padri.¹²⁶

Indonesia menerima pembaharuan pemikiran Islam pada abad ke - 20. Ide pembaharuan ini dibawa oleh mahasiswa Indonesia yang belajar di al-Azhar Kairo selepas kembali ke tanah air. Berkaitan dengan itu bermunculan beberapa tokoh pembaharu pemikiran Islam dari Minangkabau seperti Syekh Muhammad Jamil Jambek, Taher Jalaluddin, Haji Karim Amrullah, Haji Abdullah Ahmad, Syekh Ibrahim Musa, Zainuddin Lebai al-Yunusi dengan menyalurkan ide-ide mereka melalui organisasi sosial, pendidikan dan politik. Di Jawa Ahmad Dahlan dengan Muhammadiyah, Ahmad Hasan bersama Persis, Abdul Halim dengan Perserikatan

¹²⁵Harun Nasution, *op. cit.*, h. 96-106

¹²⁶William R. Roff, *op. cit.*, h. 59

Ulama dan K. H. Hasyim Asy'ari bersama Nahdlatul Ulama. Pada masa inilah upaya pembaharuan pendidikan bermula.¹²⁷

Menurut Karel A. Steenbrink,¹²⁸ pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia ini didorong oleh beberapa faktor. *Pertama*, adanya sifat perlawanan dan penentangan terhadap penguasa kolonial. *Kedua*, pada tahun 1900 keinginan umat Islam kembali kepada al-Qur'an dan Sunnah dalam menilai kebudayaan agama Islam, sehingga mereka menolak *taqlid*. Pemikiran ini dibawa oleh Muhammad Abduh dan murid-muridnya. Tanda khas gerakan ini ialah tajdid dan pemurnian ajaran Islam. *Ketiga*, untuk memperkuat organisasi Islam baik untuk kepentingan mereka sendiri atau kepentingan rakyat seperti Sarikat Islam, Perserikatan Ulama, Muhamadiyah dan lain-lain. *Keempat*, pada awal abad ke-20 keinginan untuk memperbaharui pendidikan Islam baik metode maupun isinya, kerana umat Islam atau organisasi Islam tidak puas hati dengan keadaan metode pendidikan tradisional sebelumnya dalam mempelajari al-Qur'an dan as-Sunnah.

Perkembangan pendidikan dan pengajaran Islam bentuk madrasah merupakan pengembangan dari sistem tradisional yang diselenggarakan di rumah-rumah, surau, masjid dan pesantren.¹²⁹ Pembaharuan pendidikan Islam kepada sistem madrasah di Indonesia bermula pada awal abad ke-20.¹³⁰ Dalam sistem madrasah ini tidak hanya mengajarkan subjek-subjek agama, ia juga turut mengajarkan subjek-subjek umum. Madrasah pertama yang didirikan ialah *madrasah Adabiyah* di Padang Panjang.¹³¹ Madrasah ini didirikan oleh Syekh

¹²⁷Haidar Putra Daulay (2009), *op. cit.*, h. 30

¹²⁸Karel A. Steenbrink, *op. cit.*, h. 26-28

¹²⁹Dewan Redaksi Ensiklopedi Islam (1999), *Ensiklopedi Islam*. Cet. 4, Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve, h. 107

¹³⁰Samsul Nizar, *op. cit.*, h. 291

¹³¹Deliar Noer (1980), *Gerakan Modern Islam di Indonesia 1900-1942*. Jakarta: LP3ES, h. 51-52

Abdullah Ahmad pada tahun 1907. Sekolah ini juga mempunyai status yang sama dengan sekolah yang diasaskan oleh kolonial Belanda iaitu HIS (*Hollands Inlandse School*), cuma perbezaannya sekolah ini mengajarkan subjek agama dan al-Qur'an secara wajib. Pada tahun 1915 sekolah ini telah mendapat bantuan dari kolonial dan namanya ditukar menjadi *Hollandsch Maleische School Adabiyah* yang ketuai orang Belanda. Kelebihannya sekolah ini terletak pada pembaharuan yang sebelumnya merupakan pendidikan tradisional berubah ke pendidikan moden.¹³²

Selepas penubuhan madrasah ini, terdapat madrasah berikutnya yang didirikan, seperti *Madras School* (Sekolah Agama). Sekolah ini didirikan pada tahun 1910 di Sungayang, Batusangkar oleh Syekh M. Thaib Umar. Madrasah Diniyah pula ditubuhkan pada tahun 1915 di Padang Panjang oleh Zainuddin Labai El Yunusiy.¹³³ Selain itu, madrasah Sumatera Thawalib ditubuhkan pada tahun 1921 oleh Syekh Abdul Karim Amrullah di Padang Panjang pelajarnya dari surau Jembatan Besi, dikenali dengan Perkumpulan Sabun. Sekolah ini juga mempunyai beberapa cawangan seperti di Bukittinggi, Batusangkar dan lain-lain. Madrasah Diniyah Putri di Padang Panjang yang ditubuhkan pada tahun 1923 oleh Rangkayo Rahmah el Yunisia, ia merupakan madrasah puteri yang pertama.¹³⁴

Sementara di pulau Jawa berdiri madrasah Muhammadiyah (1911-1923) yang diasaskan oleh Ahmad Dahlan. Sekolah ini ditubuhkan sebelum terbentuknya organisasi Muhammadiyah. Sekolah ini ditubuhkan pada tanggal 1

¹³²*Ibid.*

¹³³Samsul Nizar, *op. cit.*, h. 293

¹³⁴Deliar Noer, *op. cit.*, h. 55-57

Desember 1911, dengan nama *Madrasah Ibtidaiyah Diniyah Islamiyah* menjadi sekolah dasar yang pertama di Yogyakarta.¹³⁵

Dengan ditubuhkannya organisasi Muhammadiyah pada tahun 18 November 1912 M. Mendorong sekolah-sekolah Muhammadiyah yang baru dapat ditubuhkan, seperti di Karangjaten (1913), Lempuyangan (1915), Pasargedede (1916) dan banyak lagi.¹³⁶

Begitu juga di Jawa Timur, dapat dilihat daripada perkembangan pondok Tebuireng Jombang ditubuhkan pada tahun 1899 M. Pondok ini diasaskan oleh K. H. Hasyim Asy'ari yang pada peringkat awalnya hanya mengajarkan ilmu agama. Untuk lebih memajukan pondok ini Hasyim Asy'ari telah mengambil langkah membuat pembaharuan dengan mendirikan Madrasah Salafiyah pada tahun 1929 dan beliau memilih K. H. Iljas sebagai pengetua madrasah ini.¹³⁷

Setelah K. H. Iljas menjadi pengetua madrasah ini, ia memasukkan subjek-subjek umum ke dalam madrasah tersebut, iaitu mempelajari huruf abjad, bahasa Indonesia, ilmu bumi dan sejarah Indonesia, serta ilmu matematik. Dan semua mata pelajarannya menggunakan buku-buku yang bertulis huruf latin. Selain daripada itu, akhbar dan majalah dalam bahasa Indonesia yang mengandungi pengetahuan umum dibaca oleh para kyai dan pelajar. Sistem pembelajaran dalam madrasah meliputi 75% pengetahuan umum dan bahasa, serta 25% agama. Dengan menggunakan bahasa Indonesia dan bahasa Arab sebagai bahasa perantara.¹³⁸

¹³⁵Dody S. Truna *et al.* (2002), *Pranata Islam di Indonesia Pergulatan Sosial, Hukum, dan Pendidikan*. Ciputat: Logos Wacana Ilmu, h. 262

¹³⁶*Ibid.*, h. 263

¹³⁷Mahmud Junus (1960), *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia*. Djakarta: Pustaka Mahmudiah, h. 205

¹³⁸*Ibid.*, h. 205-206

Selain berjasah kepada pendidikan, Hasyim Asy'ari juga turut mengembangkan organisasi kemasyarakatan Nahdlatul Ulama. Pendidikan Nahdlatul Ulama berkembang dengan pesat semasa di bawah kepimpinan K. H Wahid Hasyim yang merupakan putera kepada Hasyim Asy'ari. Beliau berperanan penting dalam usaha pembaharuan pendidikan ini. Usaha-usaha pembaharuannya termasuk memperkenalkan ilmu pengetahuan umum ke dalam pondok dan menubuhkan institusi pendidikan seperti madrasah Nizamiyah, PGA (pendidikan Guru Agama) dan PTAIN.¹³⁹

Pembaharuan yang dilakukan dalam pondok Tebuireng ialah dengan mendirikan institusi baru Wahid Hasyim menggunakan ruang kelas dengan kurikulum 70% subjek umum dan 30% subjek agama. Sekolah ini mengajar mata pelajaran aritmatika, sejarah, geografi dan ilmu pengetahuan alam. Di samping itu turut menyediakan sebuah perpustakaan dengan koleksi buku-buku berbahasa Ingri, belanda, Indonesia dan Jawa, terdapat juga majalah seperti Panjimas, Dewan Islam, Islam bergerak dan sebagainya.¹⁴⁰

Penubuhan sekolah juga terjadi di kawasan-kawasan lain seperti di Jakarta yang ditubuhkan pada tahun 1905 dan diberi nama madrasah Jami'at Khair. Pelajarnya pula terdiri dari mereka yang berketurunan Arab dan sebahagiannya terdiri dari rakyat Indonesia yang bukan berketurunan arab. Salah seorang pengajarnya yang terkenal ialah Ahmad Surkati dari Sudan. Juga al-Irsyad yang ditubuhkan pada tahun 1913. Di Jawa Barat pula Madrasah Muallimin Majalengka telah ditubuhkan pada tahun 1923 dan Madrasah Khairiyah Banten ditubuhkan pada tahun 1925.¹⁴¹

¹³⁹*Ibid.*, h. 299

¹⁴⁰*Ibid.*, h. 302

¹⁴¹Hanun Asrohah, *op. cit.*, h. 160-163

2. 8 Pendidikan Islam di Zaman Kemerdekaan

Sebelum zaman kemerdekaan sejarah pendidikan Islam di Indonesia berasaskan kepada kedaerahan. Oleh itu, setiap daerah menubuhkan institusi pendidikan dan pembelajaran mengikut daerah masing-masing, contohnya Pendidikan Islam di Sumatera keadaannya berbeza dengan pendidikan yang terdapat di pulau Jawa dan sebagainya.

Setahun selepas kemerdekaan Indonesia pada tarikh 17 Ogos 1945 iaitu pada tahun 1946 terbentuklah Departemen Agama yang akan menguruskan hal-hal keagamaan di Indonesia termasuklah masalah pendidikan Islam.¹⁴² pada masa itu, kerajaan Indonesia mula mengambil berat terhadap pendidikan Islam dengan menyelaraskan dengan pendidikan nasional. Sebagaimana disebutkan dalam UUD 1945, pasal 31 ayat 2, yang berbunyi “supaya mengusahakan terbentuknya suatu sistem pendidikan dan pengajaran yang bersifat nasional”. Dalam mewujudkan amanat tersebut *Badan Pekerja Komite Nasional Indonesia Pusat* (BPKNIP) sebagai pekerja MPR merumuskan unsur-unsur usaha pendidikan dan pengajaran, di antaranya ialah “madrasah dan pesantren yang pada hakikatnya adalah merupakan salah satu alat dan sumber pendidikan dan pencerdasan rakyat jelata yang sudah terjadi dalam masyarakat Indonesia pada umumnya sejak dahulu lagi, hendaklah mendapat perhatian dan bantuan biaya dari kerajaan.” Berdasarkan rumusan tersebut, untuk meningkatkan taraf kualiti pendidikan Islam dan untuk mendapatkan bantuan biaya daripada kerajaan, maka pendidikan Islam haruslah dapat menyesuaikan diri dengan pendidikan nasional, serta memasukkan subjek-subjek umum selain daripada subjek agama ke dalam sistem pembelajarannya.¹⁴³

¹⁴²Samsul Nizar, *op. cit.*, h. 293

¹⁴³Fatikhah, *op. cit.*, h. 90

Rumusan BPKNIP ini diwujudkan pada masa Mr. Suwandi sebagai menteri PP dan K pada tahun 1946-1947, dengan cara membentuk Panitia Penyelidik Pengajaran dibawah pimpinan Ki Hajar Dewantara.¹⁴⁴ Hasil daripada rumusan tersebut yang berhubungkait dengan agama ialah,

1. Subjek agama diajarkan di semua sekolah pada waktu pelajaran sekolah
2. Para pengajar digaji oleh kerajaan
3. Pengajar juga diiktiraf oleh Departemen Agama
4. Pengajar ilmu agama juga harus berpengetahuan dalam subjek-subjek umum
5. Kerajaan menyediakan buku untuk pendidikan agama
6. Taraf kualiti pesantren dan madrasah harus diperbaiki

Lebih mendapat perhatian lagi pendidikan Islam ialah dengan dikeluarkannya Surat Keputusan Bersama (SKB) 3 menteri iaitu Menteri Dalam Negeri, Menteri Agama dan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan pada tahun 1975. Merujuk kepada SKB 3 menteri ini, madrasah ialah merupakan institusi pendidikan yang menjadikan subjek agama Islam sebagai subjek asas, yang diajarkan sekurang-kurangnya 30% di samping subjek umum.¹⁴⁵ Maka dengan demikian, Departemen Agama mengeluarkan kurikulum untuk menyamaratakan bagi semua madrasah baik Madrasah Ibtidaiyah, Madrasah Tsanawiyah dan Madrasah Aliyah. Dengan terdapatnya acuan kurikulum ini terjadi keselarasan madrasah dalam subjek agama, kualiti dan kuantitinya. Maka telah diakui dan dipersetujui bahawa antara madrasah dengan sekolah-sekolah umum dan juga Madrasah Ibtidaiyah dengan Sekolah Dasar adalah setaraf dan seterusnya.¹⁴⁶

¹⁴⁴Haidar Putra Daulay (2009), *op. cit.*, h. 86-87

¹⁴⁵Hasbullah, *op. cit.*, h. 181

¹⁴⁶*Ibid.*, h. 182

SKB 3 menteri ini bernilai sangat positif bagi masyarakat untuk menghapuskan dikotomi antara pendidikan agama dengan pendidikan umum. Selain itu, sijil madrasah juga mempunyai nilai yang sama dengan nilai sijil sekolah umum yang setaraf, bagi mereka yang lulus dari madrasah dapat melanjutkan belajar ke sekolah umum yang lebih tinggi, dan pelajar madrasah juga dapat berpindah ke sekolah umum yang setaraf. Dalam kebijakan 3 menteri ini, pengelolaan dan pembinaan madrasah dilakukan oleh Departemen Agama, sedangkan pembinaan dan pengawasan subjek umum pada madrasah dilakukan oleh Menteri Pendidikan dan Kebudayaan bersama-sama Menteri Agama dan Menteri Dalam Negeri.¹⁴⁷

Untuk memperjelas lagi kedudukan pendidikan Islam dalam pendidikan nasional kerajaan mengeluarkan UU No. 2 tahun 1989 yang berbunyi “pendidikan keagamaan merupakan pendidikan yang mempersiapkan peserta didik untuk dapat menjalankan peranan yang menuntut penguasaan pengetahuan khas tentang ajaran agama yang bersangkutan”.¹⁴⁸ Hal ini diperincikan dalam PP No. 28 dan 29 tahun 1990 dengan mendefinisikan madrasah sebagai sekolah yang berciri khas agama Islam.¹⁴⁹ Untuk menjalankan undang-undang tersebut Menteri Pendidikan dan Kebudayaan serta Menteri Agama masing-masing departemen ini mengeluarkan surat keputusan. Surat keputusan menteri pendidikan no. 0489/U/1992 tentang Sekolah Menengah Umum, sedangkan keputusan Meteri Agama No. 370 tahun 1993 tentang Madrasah Aliyah dan tentang kurikulum Madrasah Aliyah No. 373 tahun 1993, tentang Madrasah Aliyah Keagamaan surat No. 374 tahun 1993.¹⁵⁰

¹⁴⁷Hanun Asrohah, *op. cit.*, h. 179

¹⁴⁸Dikutip dari Achmad Patoni, *op. cit.*, h. 61

¹⁴⁹Haidar Putra Daulay (2004), *op. cit.*, h. 93

¹⁵⁰Haidar Putra Daulay (2007), *op. cit.*, h. 111

Dalam undang-undang tentang pendidikan yang disebutkan di atas, madrasah hanya diatur di bawah peraturan kerajaan dan keputusan menteri. Bereza dengan undang-undang No. 20 tahun 2003 yang semakin menguatkan kedudukan madrasah dalam pendidikan nasional, kerana madrasah sudah dimasukkan dalam undang-undang pendidikan nasional bukan lagi berada di bawah peraturan kerajaan dan keputusan menteri. Perkataan madrasah dalam undang-undang tersebut dapat diketemukan dalam pasal 17: Pendidikan Dasar ialah Sekolah Dasar (SD) dan Madrasah Ibtidaiyah (MI) atau sekolah lain yang sederajat, Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan Madrasah Tsanawiyah (MTs) atau sekolah lain yang sedrajat. Sedangkan pasal 18 menyebutkan Pendidikan Menengah ialah Sekolah Menengah Atas (SMA), Madrasah Aliyah (MA), Sekolah Menengah Kejuruan (SMK), Sekolah Aliyah Kejuruan (MAK) atau bentuk lain yang sederajat.¹⁵¹

2. 9 Kedatangan Islam ke Indonesia

2. 9. 1 Masa Kedatangan Islam ke Indonesia

Belum terdapat mana-mana sumber sejarah yang dipersetujui bersama secara jelas dan dijadikan rujukan tunggal mengenai masa masuknya Islam ke Indonesia. Oleh demikian menjadikan banyak perkara yang sukar untuk diselesaikan dan dijadikan pegangan, sehingga menyebabkan sejarah kedatangan Islam ke Indonesia masih banyak bersifat anggapan dan pendapat.

Menurut orang-orang orientalis seperti C. Snouck Hurgronje, Morisson dan lain-lain, mengatakan bahawa masa kedatangan Islam ke Indonesia pada abad

¹⁵¹ *Ibid*, h. 114-115

ke - 12 dan akhir abad ke - 13 M.¹⁵² Namun pendapat ini tidak dipersetujui oleh para pakar sejarah Islam Indonesia dan Malaysia. Menurut mereka, bahawa Islam sampai ke Indonesia telah bermula sejak pertama hijrah iaitu pada abad ke - 7 Masihi.¹⁵³ Hal ini diperkukuhkan lagi dengan dilaksanakan seminar berikutnya di Aceh pada tahun 1978 dan di Aceh Timur pada tahun 1980 mengenai tentang sejarah masuk dan berkembangnya Islam di Indonesia.¹⁵⁴ Dari hasil seminar ini para ahli sejarah Islam mengatakan secara pasti bahawa Islam sampai ke Indonesia sememangnya pada abad pertama hijrah lagi. Kedatangan mereka pada abad-abad pertama tidak secara langsung membentuk suatu masyarakat Islam, akan tetapi melalui proses yang panjang sehingga sampai kepada terbentuknya masyarakat muslim menjadi sebuah kerajaan. Jadi, anggapan orang-orang orientalis tersebut tidak betul. Sebab pada masa itu sebenarnya merupakan tahap perkembangan agama Islam di daerah pesisir Utara Sumatera.¹⁵⁵ Sedangkan daerah yang mula-mula sekali didatangi oleh orang Arab Islam ialah Aceh langsung dari Arab.¹⁵⁶

2. 9. 2 Tempat Asal Kedatangan Islam

Terdapat beberapa teori yang sering dijadikan rujukan mengenai tempat asal mula datangnya agama Islam ke Indonesia, di antaranya ialah

¹⁵²Azyumardi Azra (1994), *Jaringan Ulama Timurr Tengan dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Mizan, h. 28

¹⁵³Dr. Hamka (1963), "Masuk dan Berkembangnya Agama Islam di Daerah Pesisir Sumatera Utara" (Panitia Seminar Sedjarah Masuknya Islam ke Indonesia di Medan, 17 - 20 Mac 1963), h. 87

¹⁵⁴Prof. A. Hasjmy (1981), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Aceh: PT. Al-Maarif.penerbit. percetakan offset, h. 52

¹⁵⁵Drs. M.D. Mansoer (1963), "Masuk dan Berkembangnja Agama Islam di Daerah Pesisir Utara Sumatera" (Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam ke Indonesia di Medan, 17 – 20 Mac 1963), h. 65

¹⁵⁶Dr. Hamka, *op. cit*, h. 79

Pertama, “teori India”. Islam datang ke Indonesia dari Gujarat dan Malabar. Teori ini dipegang oleh Pijnappel, ia merupakan seorang Profesor Bahasa Melayu di Universiti Leiden Belanda.¹⁵⁷ Sedangkan C. Snouck Hurgronje mengatakan dari Malabar dan Coromandel kota-kota pelabuhan di India selatan.¹⁵⁸ Pendapat yang sama dengan teori ini ialah J.P. Moquette, beliau berkesimpulan bahawa Gujarat merupakan tempat asal bermulanya kedatangan Islam ke Indonesia.¹⁵⁹ *Kedua*, “teori Persia”. Di mana Islam berasal dari Persia dan bukannya dari Arab ataupun dari India. Penyokong teori ini ialah P.A. Hoesen Djajaningrat.¹⁶⁰ *Ketiga*, “teori Cina”. Teori ini melihat pada peranan orang Cina dalam pengembangan Islam dan banyak unsur kebudayaan Cina dalam kebudayaan Islam di Indonesia. Dalam hal ini, H.J. de Graaf banyak merujuk literatur Jawa klasik mengenai peran orang Cina.¹⁶¹ *Keempat*, “teori Arab”. Pencetus teori ini ialah Crawford, ia mengatakan bahawa Islam datang secara langsung dari Arab dan bukannya dari India dan lainnya.¹⁶²

Dari teori-teori tersebut di atas, teori yang paling mendapat sokongan dan dipersetujui para ahli sejarah Indonesia-Malaysia ialah teori Arab. Dalam seminar umat Islam Indonesia yang dilaksanakan di Medan dan di Aceh menyimpulkan bahawa Islam di Indonesia dibawa langsung oleh orang Arab pada abad pertama hijrah, mula-mula daerah yang didatangi ialah Aceh dan juga merupakan tempat

¹⁵⁷G. W. J. Drewes (1968), “New Light on The Coming of Islam to Indonesia?”. Dalam Dr. R. Roolvink *et al.* *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*. Leiden: Stationsplein 10, h. 440

¹⁵⁸C. Snouck Hurgronje (1992), *Kumpulan Karangan C. Snouck Hurgronje*. Soedarsono Soekarno (terj.), Jakarta: Inis, h. 6

¹⁵⁹Azyumardi Azra, *op. cit.*, h. 24

¹⁶⁰Nur Huda (2007), *Islam Nusantara Sejarah Sosial Intelektual Islam di Indonesia*. Jogjakarta: Ar-Ruzz Media Group, h. 37

¹⁶¹*Ibid*, h. 38

¹⁶²John Crawford (1967), *History of The Indian Archipelago Containing an Account of The Manners, Arts, Languages, Religions Institutions, And Commerce of its Inhabitants*. Vol. 2, Frank Cass & Co. Ltd, h. 259

kerajaan Islam pertama.¹⁶³ Namun dalam seminar berikutnya mengenai kerajaan Islam awal mengalami pembetulan iaitu Perlak (Aceh Timur sekarang).¹⁶⁴ Sememangnya Islam datang langsung dari Arab, secara geografis daerah Aceh dari pantai Timur Sumatera dan pantai Barat Semenanjung Malaya merupakan tempat strategis jalur perdagangan yang menghubungkan wilayah Barat dan Timur melalui selat Melaka.¹⁶⁵ Jadi, para penyebar Islam singgah di Malabar hanya untuk mengislamkan daerah tersebut dan berdagang, selepas itu melanjutkan perjalanannya ke Samudera. Daerah-daerah seperti Fansur nama sebuah bandar di pesisir barat Sumatera Utara yang sekarang disebut Barus, Lamri penulis Arab menyebut dengan *Ramini*, *Ramni*, *Lamri* atau *Lamiri*. Sedang orang Tiongkok menyebutnya dengan *Lan-li*, *Lan-wu-li* atau *Nan-wu-li*, *Na-po-li* merupakan daerah yang sudah dikenali oleh pedagang-pedagang di India, Tiongkok dan lain-lain. Sementara Marco Polo mengatakan daerah tersebut ialah di sebut Perlak Sekarang.¹⁶⁶ Dari penyebar-penyebar Islam yang datang dari Arab ke Indonesia, di samping sebagai pedagang, sememangnya ada yang sengaja datang untuk menyebarkan agama Islam dan merekalah yang memainkan peranan penting. Adanya raja-raja dan kerajaan Islam pertama memakai gelaran sultan Malik as-Shalih merupakan gelaran orang-orang Arab dan suku Arab serta pengakuan

¹⁶³Tgk. H. Abdullah Ujong Rimba (1980), "Daerah Manakah yang Mula-mula Menerima Islam di Indonesia" (Seminar Sejarah Masuk dan Perkembangannya Islam di Aceh dan Nusantara di Aceh, Jil 1, 25 - 30 September 1980), h. 1

¹⁶⁴Prof. A. Hasjmy, *op. cit.*, h. 54

¹⁶⁵Prof. A. Hasmy (1980), "Sejarah Masuk Islam di Aceh Sampai Berakhirnya Kerajaan Islam di Pasai" (Seminar Sejarah Masuk dan Perkembangannya Islam di Aceh dan Nusantara di Aceh, Jil 1, 25 - 30 September 1980), h. 1

¹⁶⁶Drs. M.D. Mansoer, *op. cit.*, h. 61-63. Lihat juga, Dada Meuraxa (1973), *Sejarah: Masuknya Islam ke Bandar Barus Sumatera Utara*. Medan: Sasterawan, h. 19 - 20

salasilahnya sampai kepada nabi Muhamad saw.¹⁶⁷ Jadi sewajarnya dikatakan, apabila Islam datang langsung dari Arab melihat pada asal mula Islam tersebut dari negeri Arab dan banyaknya terdapat orang Arab di merata-rata tempat di Indonesia dan semenanjung Malaya. Di samping itu, secara majoritinya mazhab yang diikuti di kepulauan Indonesia merupakan mazhab Syafi'i.¹⁶⁸ Di antara pakar sejarah Islam yang sangat menentang teori-teori lainnya selain teori Arab ialah Naquib al-Attas, ia mengatakan bahawa Islam datang langsung dari Arab. Menurutnya, bukti-bukti batu nisan yang dibawa dari India itu hanya semata-mata jarak di antara India dengan Nusantara lebih dekat berbanding dengan jarak Arabia.¹⁶⁹ Di samping itu melihat dari rujukan buku-buku yang dihasilkan pada abad ke 17 keseluruhannya hasil karangan dari Arab atau Persia, rujukan yang pada awalnya dikatakan dari Persia pula akhirnya dikatakan berasal dari Arab, kandungan pahaman Islam yang dibawa mereka bersifat Timur Tengah seperti penghuraian akidah berbagai mazhab tasawuf, bentuk tulisan jawi dan corak huruf-hurufnya, nama gelaran bagi hari dan cara melafazkan al-Qur'an. Begitu juga dengan gelaran para pembawa Islam ke Nusantara menandakan mereka berasal dari Arab.¹⁷⁰

Penyebaran Islam ke Indonesia melalui berbagai aspek seperti perdagangan, perkahwinan, tarekat atau tasawuf dan juga pendidikan. Berkembangnya penyebaran Islam ini setelah terbentuknya masyarakat Islam dengan berdirinya beberapa kerajaan Islam. Islam masuk ke wilayah Indonesia

¹⁶⁷Hadji Aboebakar Atjeh (1963), "Sekitar Masuknya Islam ke Indonesia Berita tentang Perlak dan Pase", (Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam ke Indonesia di Medan, 17 - 20 Mac 1963), h. 111 - 112

¹⁶⁸G.W.J. Drewes (1983), "Pemahaman Baru tentang Kedatangan Islam di Indonesia", dalam Ahmad Ibrahim *et. al.* (ed), *Islam di Asia Tenggara Perspektif Sejarah*. Jakarta: LP3ES, h. 7

¹⁶⁹Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 33

¹⁷⁰*Ibid.*, h. 34

ini tidak secara serentak, ada sebahagian wilayah yang lebih awal menerima Islam dan ada juga wilayah yang kemudian baru menerima Islam. Namun para ahli sejarah telah menyetujui bahawa Islam pertama kali masuk ke Indonesia ialah di Sumatera.¹⁷¹ Dari Pasai berkembang lagi ke Melaka, ke pesisir barat Sumatera dan sekitarnya. Dari Melaka penyebaran Islam dilanjutkan ke pulau Jawa pada abad ke 15 M oleh pedagang-pedagang dari Jawa, penyebar Islam di pulau Jawa ini bahkan ada langsung dari Arab seperti Maulana Malik Ibrahim wafat tahun 1419 M.¹⁷²

Dengan berkurangnya kuasa kerajaan Majapahit ini dapat mempercepat penyebaran Islam di Jawa yang disebarkan oleh Wali Songo pada tahun 1478 dengan berdirinya kerajaan Demak dan masyarakat Islam di Jawa.¹⁷³ Dari Jawa berkembang ke belahan Indonesia bahagian timur Maluku pada abad ke 15 M, Kalimantan khususnya Banjarmasin, Sulawesi terutama di bahagian selatan dan Sumatera Selatan, dan pada abad ke-15 Islam telah diikuti oleh masyarakat Indonesia sehingga ke pedalaman tanah air.¹⁷⁴

2. 10 Kedatangan Islam ke Pulau Bawean

Pulau Bawean merupakan pulau yang seratus peratus penduduknya beragama Islam. belum ada penduduk asli Bawean beragama selain Islam, kecuali pendatang dari luar pulau Bawean yang kebetulan bukan beragama Islam.

¹⁷¹Haidar Putra Daulay (2007), *Sejarah Pertumbuhan Dan Pembaruan Pendidikan Islam Di Indonesia*. Jakarta: Kencana, h. 13

¹⁷²Usman Said (1966), *Sumbangan Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Kepribadian Indonesia*. Jakarta: Pustaka Agus Salim, h. 20

¹⁷³Drs. H. A. Moerad Oesman (1980) "Masuknya Islam di Indonesia Bahagian Timur dan Hubungannya dengan Aceh Darussalam", (Seminar Sejarah Masuknya dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara di Aceh, 25 – 30 Sept 1980), h. 2

¹⁷⁴*Ibid*, h. 3 - 4

Mengenai kedatangan Islam ke pulau Bawean dirasakan perlu mengkaitkan dengan keberadaan penyebaran Islam di pulau Jawa oleh Walisongo.

Daerah Tuban sangat berperan dalam penyebaran agama Islam di pesisir pantai Jawa Timur. Sejak pertengahan abad ke 15 keluarga raja Tuban sudah beragama Islam, sekalipun ia bukan seorang Islam yang taat dan ia juga tetap masih berhubungan baik dengan maharaja Majapahit di pedalaman.¹⁷⁵ Raja Tuban pada masa itu disebut Pate Vira. Dari kata vira dikenal kata wira yang sering menjadi sebahagian dari nama Jawa. Raja Tuban yang memerintah sekitar tahun 1500 M dengan memakai gelaran Aria Wila-Tikta.¹⁷⁶

Aria Wila-Tikta ini anak kepada Aria Teja iaitu seorang ulama keturunan Arab yang berhasil meyakinkan raja Tuban (Aria Dikara) untuk memeluk agama Islam. Kemudian Aria Teja ini memperisterikan anak kepada Aria Dikara. Nama Aria Teja dalam bahasa arab mempunyai makna Abdurrahman. Puncak kemajuan kerajaan Tuban pada masa pemerintahan Pangeran Dalam. Raja inilah yang menjadi tokoh pembangunan masjid Besar di Tuban dan bangunan pertahanan Gua Babar.¹⁷⁷

Pulau Bawean sudah dikenali atau menjadi bahagian wilayah kekuasaannya pada masa itu, kerana ketika kerajaan Tuban ini ditundukkan oleh Sultan Agung dari kerajaan Mataram untuk memperluas daerah kekuasaannya pada tahun 1619 M. Pangeran Dalem raja terakhir dari Tuban telah lebih dulu melarikan diri melalui laut ke pulau Bawean di laut Jawa. Selanjutnya beliau pindah ke desa Rajek Wesi, daerah Jipang (tidak jauh dari tempat asalnya Tuban).

¹⁷⁵H. J. De Graaf dan Th. G. Th. Pigeaud (1985), *Kerajaan-kerajaan Islam Pertama di Jawa Kajian Sejarah Politik Abad Ke-15 dan Ke-16*. Grafiti Pers dan KITLV (terj.), Jakarta: PT Grafiti Pers, h. 165

¹⁷⁶*Ibid.*, h. 166

¹⁷⁷*Ibid.*, h. 170

Lima tahun kemudian Pangeran Dalem meninggal dan di makamkan di kampung Kadepaten (sebelah timur kabupaten Bojonegoro). Sekarang makamnya disebut “Buyut Dalem”.¹⁷⁸

Adi Pati Aria Wilatikta menyerahkan anak puterinya iaitu Dyah Siti Manila untuk dijadikan isteri kedua kepada Raden Rahmat dari Surabaya yang sekarang dikenal dengan Sunan Ngatib Ngampel Denta. Dari perkahwinan ini lahirlah tiga orang anak iaitu Sunan Wadat yang terkenal dengan Sunan Bonang dan dua orang puteri iaitu Nyi Gede Maloka dan Nyi Gedeng Pancuran.¹⁷⁹ Sunan Bonang atau Makdum Ibrahim wafat 1525 M. Beliau inilah yang giat menyebarkan dakwah Islam di daerah-daerah pesisir sebelah timur sehingga sampai ke pulau Bawean. Ia merupakan salah seorang walisongo yang membujang selama hidup dan masanya dihabiskan untuk kepentingan menyebarkan agama Islam. Beliau meninggal di Bawean ketika ia sedang menyebarkan Islam. Mengenai tempat pemakaman janazah beliau inilah murid beliau yang di Bawean dengan yang di Tuban terjadi perebutan, di mana bagi orang Bawean beliau ingin dimakamkan di pulau tersebut dan sebaliknya orang Tuban beliau ingin dimakamkan di Tuban. maka murid beliau yang di Tuban datang ke Bawean pada malam hari untuk mencuri janazah beliau dan dibawa pulang ke Tuban. Dalam hal ini menurut orang Bawean yang dapat dicuri hanyalah kain kafan beliau sementara janazahnya tetap berada di Bawean. Oleh kerana itu, sampai sekarang makamnya ada di dua tempat iaitu di kampung Tegal

¹⁷⁸*Ibid.* lihat juga, H. J. de Graaf (1986), *Puncak Kekuasaan Mataram Politik Ekspansi Sultan Agung*. Pustaka Utama Grafiti dan KTLV (terj.), Jakarta: PT. Pustaka utama Grafiti, h. 50

¹⁷⁹Widji Saksono (1995), *Mengislamkan Tanah Jawa Telaah Atas Metode Dakwah Walisongo*. Bandung: Mizan, h. 29

Gubuk sebelah barat Tambak Bawean.¹⁸⁰ Sementara menurut orang Tuban makamnya berada di Tuban Jawa Timur.¹⁸¹

Individu berikutnya yang ikut berjasa menyebarkan Islam di pulau Bawean ialah Nyai Waliyah Zainab. Nama sebenarnya beliau Dewi Wardah anak kepada Kiai Ageng Bungkul seorang pembesar kota Surabaya keturunan raja Majapahit, namun selepas Dewi Wardah sampai di pulau Bawean bertukar nama menjadi Siti Zainab.¹⁸² Ia bersama suaminya Pangeran Sedo Laut dan rombongan menuju Pulau Bawean menyeberangi laut sekitar tahun 1595-1600 M sebagai utusan Giri Kedaton yang berpusat di Demak untuk mengukuhkan Islam. Merekalah yang dicadangkan sebagai penguasa Islam di pulau Bawean.¹⁸³

Perjalanan antara Giri-Bawean terjadi tragedi kecelakaan laut yang mengakibatkan seluruh rombongan meninggal, kecuali Nyai Waliyah Zainab keseorangan. Pada diri beliau terjadi keajaiban yang mana beliau terdampar di pantai Komalasa dengan cara menaiki kelopak bunga kelapa. Sampai di pelabuhan Komalasa yang pada saat itu menjadi pelabuhan utama pula Bawean, beliau berada di bawah pengawasan Syahbandar. Syahbandar pada masa itu merupakan jabatan terhormat, sebab semua urusan pengangkutan dan perpindahan penduduk ke negeri lain berada di bawah pengawasannya.

Syahbandar mengetahui bahawa wanita yang baru sahaja datang tersebut bukan hanya cantik, tetapi juga keturunan bangsawan terhormat. Oleh sebab itu Syahbandar tersebut secara langsung ingin menikahi beliau. Kemudian keinginan

¹⁸⁰Sumber data dari K. H. Mohamad Zuhdi sebagai juru kunci makam Sunan Bonang di pulau Bawean, tarikh 19 Ogos 2010

¹⁸¹Widji Saksono, *op. cit.*, h. 30

¹⁸²Boyanese (2003), "Waliyah Zainab Diponggo", *Media IPNU-IPPNU Bawean*, 01/Th. 1/November/2003, h. 15-16

¹⁸³Dhiyauddin Qushwandhi (2008), *Waliyah Zainab Putri Pewaris Syekh Siti Jenar*. Bawean: Yayasan Waliyah Zainab Diponggo, h. 139-141

Syahbandar tersebut ditolak secara sopan oleh beliau, sehingga membuat Syahbandar kecewa dan memfitnahnya dengan cara membuat cerita untuk dipercayai di masyarakat, bahawa beliaulah yang membawa sial dan membawa penyakit *Pagebluk*, yang kebetulan pada masa itu musim penyakit tersebut. Dengan membuat kepercayaan seperti itu yang dilakukan Syahbandar terhadap beliau, maka masyarakat mempercayai dan masyarakat juga tidak menerima beliau berada di Komalasa. Atas hasutan itu beliau meninggalkan Komalasa, ia berjalan terus menjelajahi belantara pulau Bawean, sehingga akhirnya tiba di sebuah desa Diponggo. Di desa inilah beliau diterima dengan senang hati oleh masyarakat setempat.¹⁸⁴

Maka dengan hadirnya beliau, masyarakat Diponggo mengenali agama Islam dan bahasa yang dipakai olehnya adalah bahasa Jawa. Kerana beliau juga ada kesukaran dengan bahasa tempatan, sehingga beliau mencampurkan antara bahasa Jawa dengan bahasa tempatan dalam berkomunikasi. Dari percampuran dua bahasa tersebut, lahirlah bahasa Diponggo sebagaimana adanya sekarang. Bahasa Diponggo berbeza dengan bahasa yang dipakai masyarakat Bawean pada umumnya.

Selepas itu, Islam tersebar di pulau Bawean secara merata atau secara menyeluruh pada masa Maulana Umar Mas'ud pada tahun 1501-1630 M. Beliau menjadi raja dan sekaligus sebagai penyebar agama Islam ke pulau Bawean. Pasti Islam masuk ke pulau Bawean pada awal abad ke-16 dan pembawa Islam

¹⁸⁴*Ibid.*, h. 143-144

pertama kali sampai di pulau Bawean di daerah Komalasa, kerana dulu di daerah tersebut merupakan pelabuhan besar.¹⁸⁵

Maulana Umar Mas'ud datang membawa ajaran Islam yang sifatnya sangat lentur dan cergas, serta mudah beradaptasi dengan tradisi setempat.¹⁸⁶ Dengan kehadirannya memberikan kemajuan terhadap kesenian di pulau Bawean, sehingga dengan adanya kesenian ini beliau sering menyisipkan nilai-nilai keislaman di dalamnya.

Hasil karya beliau itu terbukti dari peninggalan pintu gerbang masuk ke desa Padhaleman dan masjid yang berada di desa Kota Kusuma Sangkapura, yang mana makam beliau berada di belakang masjid tersebut, dan sampai sekarang masjid dan makam ramai dikunjungi oleh peziarah dari orang tempatan dan orang luar Bawean.

Sebagaimana yang dikutip dari Widiyatul Ilmiah, beliau merupakan anak kepada Maulana Magribi dari Palembang, ibunya bernama Retna Marakis puteri dari Arya Teja dari Tuban. Sedangkan beliau memperisterikan Penang Dalem atau Puteri Komalasa, ia mempunyai seorang anak iaitu Pangeran Agung.¹⁸⁷ Dalam pendidikan beliau belajar kepada Sunan Ampel tentang ilmu tauhid dan ilmu tasawuf, selepas itu belajar kepada datuknya iaitu maulana Ishak di Pasai dan pernah bermukim di Mekkah. Guru yang terakhir beliau ialah Sunan Giri, kepadanya beliau belajar fiqah akhkam al-sultaniyah.¹⁸⁸

¹⁸⁵R. Abdurrahman Badruddin (1985), *op. cit.*, h. 15. Lihat juga, Ali Mufrodi (1987), "Sejarah Masuknya Islam di Pulau Bawean" (Tesis, Fakulti Adab, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya), h. 45

¹⁸⁶Syafwandi (1985), *Menara Masjid Kudus Dalam Tinjauan Sejarah Dan Arsitektur*. Jakarta: Bulan Bintang, h. 24

¹⁸⁷Widiyatul Ilmiah (1996), "*Maulana Umar Mas'ud dalam Penyebaran Islam di Pulau Bawean*" (Skripsi, Fakulti Usuluddin Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya), h. 67

¹⁸⁸Widji Saksono, *op. cit.*, h. 68

Pada tahun 1601-1630 beliau menjadi raja di pulau Bawean. Ia termasuk penyebar agama Islam yang masyhur. Dengan beliau Islam dapat berkembang secara merata di pulau Bawean. Beliau datang ke pulau Bawean memang bertujuan untuk menyebarkan agama Islam, yang mana pada masa itu sebahagian masyarakat Bawean masih menganut kepercayaan terhadap roh halus, benda-benda yang dianggap mempunyai kekuatan atau kepercayaan animisme. Maulana Umar Mas'ud pertama kali datang ke pulau Bawean berlabuh di desa Komalasa juga.¹⁸⁹

Islam pada masa awal-awal lagi cuma dianut oleh individu-individu, sama seperti penyebaran Islam di tempat-tempat lain sebelum datangnya Walisongo atau kerajaan Islam. Hal ini terbukti dengan adanya batu nisan Fatimah binti Maimun di Leran Manyar Gresik pada tahun 1082 M.¹⁹⁰

2. 11 Pengaruh Islam di Pulau Bawean

Pengaruh Islam di pulau Bawean tersebar secara meluas pada masa maulana Umar Mas'ud. Sebelum beliau, memang ada penyebar Islam mendahuluinya, seperti Sunan Bonang, Waliyah Zainab, namun pada masa itu Islam hanya berpengaruh pada perseorangan dan tempat-tempat tertentu sahaja.

Pengaruh Islam menyeluruh pada masa Maulana Umar Mas'ud disebabkan beliau dapat mengalahkan penguasa yang ada sebelumnya. Di mana penguasa sebelumnya menganut paham agama Animisme, pusat pemerintahannya berada di Penagi, sekarang termasuk perbatasan desa Bulu Lanjang dengan Lebak.

Umar Mas'ud yang mempunyai nama asal Pangeran Perigi merupakan cucu dari Sunan Drajat. Beliau datang ke Madura bersama saudaranya iaitu

¹⁸⁹K. H. R. Abdurrahman, *op. cit.*, h. 7

¹⁹⁰Moehamad Habib Mustopo (2001), *Kebudayaan Islam di Jawa Timur Kajian Beberapa Unsur Budaya Masa Peralihan*. Yogyakarta: Jendela Grafika Yogyakarta, h. 42

Pangeran Sekara. Pangeran Sekara ini menetap di Madura dan mempunyai isteri di Arosbaya. Manakala Pangeran Perigi (Maulana Umar Mas'ud) pergi ke luar dari Madura menuju ke utara sehingga sampai di pulau Bawean dan berlabuh di sebuah dusun Komalasa.¹⁹¹

Pengaruh dan perkembangan Islam di Bawean sangat pesat dan merata. Di mana di setiap kampung di Bawean berdiri tempat-tempat untuk mengajarkan Islam, seperti surau (dalam bahasa Bawean *Langghar*) dan masjid, serta penduduk Bawean hampir seratus peratu baragama Islam. Surau dan masjid, selain tempat beribadah, juga tempat untuk mengajarkan Islam.

Umar Mas'ud di samping sebagai penguasa, juga bertindak sebagai mubaligh, berdakwah dan mengajarkan masyarakat tentang agama Islam. Dakwah yang disampaikan beliau ini rupanya kurang mendapat sambutan dari masyarakat, sehingga beliau meminta bantuan kepada saudaranya yang berada di Madura iaitu Pangeran Sekara untuk mengirimkan para mubaligh ke pulau Bawean. Saudara beliau tersebut menyambut dengan baik dan mengirimkan 12 orang mubaligh. Setibanya di Bawean, para mubaligh tersebut ditempatkan di sekitar desa Pakalongan, Sokaoneng dan Sokalela di kecamatan Tambak. Dari mubaligh inilah yang membawa pengaruh bahasa masyarakat pulau Bawean hampir serupa dengan bahasa Madura, sama ada dialek dan kosa kata yang berkembang ke hari ini.¹⁹²

Pusat pemerintahan Umar Mas'ud pada awalnya juga berada di Penagi. Kemudian setelah pemerintahan berkembang dan hubungan dengan daerah luar Bawean juga semakin maju, maka pusat pemerintahan dipindahkan ke Sangkapura (desa Sawah Mulya dan desa Kota Kusuma) sekaligus dijadikan pusat Bandar dan pelabuhan.

¹⁹¹K. H. R. Abdurrahman, *op. cit.*, h. 3

¹⁹²*Ibid.*

Kebudayaan yang ada sekarang di pulau Bawean sangat dipengaruhi oleh ajaran yang dibawa oleh Umar Mas'ud, misalnya bentuk bangunan masjid Jami' Sangkapura yang dibangun pada masa beliau. Masjid-masjid di Bawean, mempunyai bentuk bangunan yang sama dengan masjid yang ada di Sangkapura tersebut, selain bangunannya bentuk mimbaranya juga sama.

Dalam bidang pendidikan, Islam sangat berpengaruh pada masyarakat. Di mana pendidikan agama di Bawean sudah diperkenalkan sejak kanak-kanak lagi. Hal ini terjadi sejak mulai Umar Mas'ud menyebarkan Islam, sama ada pada masa mengajar di surau dan waktu memberikan ceramah pada masyarakat dalam menyampaikan dakwahnya. Surau dan rumah merupakan tempat-tempat utama dalam mengajarkan Islam terhadap penduduk Bawean. Di surau inilah diajarkan mengenai tauhid, fiqh, aqidah dan mengaji al-Qur'an. Hal ini berlaku sampai sekarang. Mengaji dengan cara menghadap guru seorang demi seorang di surau merupakan tradisi masyarakat Bawean, sehingga penduduk Bawean secara keseluruhan mampu membaca al-Qur'an dengan baik. Bahkan menurut tradisi, kalau tidak boleh membaca al-Qur'an merupakan sesuatu yang menjadi 'aib dan memalukan dalam keluarga dan masyarakat.¹⁹³

¹⁹³Widiyatul Ilmiah, *op. cit.*, h. 65

